

## BAB KETIGA

### ASAS-ASAS PENENTUAN HUKUM PENGGUNAAN *BONE CHINA*

#### 3.1 Pengenalan

Hukum penggunaan *bone china* merupakan salah satu isu baru yang timbul dalam bidang kepenggunaan Islam. *Bone china* merujuk barangan meja yang bermutu tinggi dan klasik. Sebagaimana yang dihuraikan sebelum ini, proses penghasilan *bone china* diragui bercampur bahan halal dengan bahan haram. Berdasarkan teori, pembuatan *bone china* terdiri daripada 50% abu tulang, 25% *kaolin* dan 25% *Cornish stone*. Oleh yang demikian, bab ketiga membincangkan tiga konsep utama secara terperinci iaitu konsep sembelihan, konsep bejana dan kerangka metodologi hukum *bone china*. Konsep sembelihan akan dibincangkan oleh penulis memandangkan konsep ini amat berkait rapat dengan bahan utama yang digunakan dalam pembuatan *bone china* iaitu serbuk abu tulang haiwan.

Selain itu, konsep bejana dibincangkan berdasarkan sorotan pandangan saintis Islam terhadap bejana-bejana yang biasa digunakan dalam masyarakat. *Bone china* juga termasuk dalam kategori bejana. Oleh itu, konsep bejana dibahasakan di dalam kajian ini. Konsep seterusnya akan diperincikan dengan menggunakan beberapa metode seperti al-Quran, sunnah, ijmak, kaedah-kaedah fiqh (*qawā'id al-fiqhiyyah*), *maqāsid sharī'ah*, *al-istiṣhāb*, *al-istiḥālah* dan beberapa kaedah berkaitan. Justeru itu, pengkajian

terhadap isu ini perlu diperincikan sebelum analisis hukum *bone china* dihuraikan dalam bab keempat.

Sewaktu membincangkan tentang hukum penggunaan *bone china*, terdapat beberapa asas yang perlu dihuraikan terlebih dahulu. Kaedah yang digunakan dalam pembuatan *bone china* untuk mendapatkan tulang haiwan amat berkait rapat dengan konsep haiwan dalam Islam. Perkara yang halal adalah jelas dan perkara yang haram juga adalah jelas. Penggunaan tulang perlu mengambilkira dua aspek, iaitu sembelihan terhadap haiwan yang halal disembelih dan tidak disembelih mengikut hukum syarak. Perenggan berikut menghuraikan konsep haiwan dalam perspektif Islam:

### **3.2 Konsep Haiwan Dalam Perspektif Islam**

Haiwan merupakan satu kumpulan kehidupan yang mempunyai banyak persamaan dengan manusia. Pelbagai istilah haiwan digunakan dan disebut di dalam al-Quran. Antaranya, *al-dābbah*, *al-an'ām*, *al-sibā'*, *al-wuḥusy*, *al-ṭuyūr*, *al-jawāriḥ* serta *ḥasharāt*.<sup>1</sup> Antara lafaz *al-dābbah* yang terdapat di dalam al-Quran adalah dalam surah al-An'ām ayat 38, al-'Ankabūt ayat 60, surah Fāṭir ayat 45, surah al-Syūrā ayat 29, surah al-Jātsiyah ayat 4, surah al-Naml ayat 82, surah al-Haj ayat 18, surah Sabā' ayat 14, surah al-Baqarah ayat 164, surah Luqmān ayat 10, surah Hūd ayat 6 dan 56, surah al-Naḥl ayat 49 dan 61, surah al-Nūr ayat 45 dan surah al-Anfāl ayat 25 dan 52.<sup>2</sup> Berdasarkan huraian di atas, pengkaji mengklasifikasikan kategori haiwan kepada dua kumpulan iaitu:

---

<sup>1</sup> Muhaibah Binti Hussin (1996/1997), 'Kejadian Haiwan: Satu Kajian Dalam Konteks Tauhid' (Bahagian Pengajian Usuludin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 50-51.

<sup>2</sup> *Ibid.*, h. 54.

- a) Jenis haiwan yang halal (الحيوان المأكل اللحم)
- b) Jenis haiwan yang haram (الحيوان غير المأكل اللحم)

Haiwan terbahagi kepada dua kategori seperti yang telah dinyatakan dalam perenggan sebelumnya. Oleh itu, penjelasan terperinci berkenaan jenis-jenis haiwan akan dilampirkan dalam perenggan seterusnya.

### 3.2.1 Haiwan Yang Halal

Kategori haiwan halal dalam Islam merupakan kumpulan haiwan yang hidup di daratan dan di lautan. Kumpulan-kumpulan haiwan ini diklasifikasikan kepada beberapa jenis dan ciri-ciri yang tertentu. Kumpulan haiwan yang hidup di daratan meliputi tiga kategori iaitu haiwan ternakan, haiwan buruan dan haiwan yang hidup di udara dan di daratan seperti burung. Haiwan ternakan adalah haiwan halal untuk dimakan oleh manusia dan kebiasaannya haiwan-haiwan ini dipelihara dan ditenak oleh manusia. Antara contoh-contoh haiwan ternakan adalah kambing, lembu, unta dan biri-biri.<sup>3</sup> Firman Allah SWT di dalam surah al-Māidah seperti berikut:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ أُحِلَّتْ لَكُمْ بَهِيمَةُ الْأَنْعَامِ  
إِلَّا مَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ غَيْرِ مُحْلِي الصَّيْدِ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ إِنَّ اللَّهَ تَحَكُّمٌ مَا  
يُرِيدُ

---

<sup>3</sup> *Ibid.*

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihalalkan bagi kamu (makanan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Dihalalkan binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula berarti kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah SWT menetapkan apa yang ia kehendaki.*

Surah al-Mā'idah (5): 1

Berdasarkan ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa Allah SWT menjadikan binatang ternakan seperti unta, lembu dan kambing untuk manfaat manusia.<sup>4</sup> Selain itu, haiwan buruan juga merupakan haiwan daratan yang dikategorikan liar dan tidak mampu dikuasai oleh manusia. Haiwan ternakan merupakan haiwan yang sentiasa diburu oleh manusia di hutan belantara untuk mendapatkan daging yang segar dan memanfaatkan kulit haiwan untuk dijadikan barangan kegunaan dan perhiasan. Antara contoh haiwan ternakan adalah rusa, kijang, pelanduk, arnab dan sebagainya. Islam mengharuskan manusia untuk memburu haiwan liar bagi mendapatkan daging dan memanfaatkannya ke arah kebaikan. Firman Allah SWT lagi di dalam al-Quran:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ ۖ قُلْ أُحِلَّ لَكُمْ الْطَّيِّبَاتُ وَمَا عَلَّمْتُم مِّنَ الْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُونَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُمُ اللَّهُ فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكَنَّ عَلَيْكُمْ وَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Maksudnya: *Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): Apakah makanan yang dihalalkan ke atas mereka: Bagi menjawabnya katakanlah: "Dihalalkan bagi kamu (makanan) yang lazat-lazat serta baik-baik, dan (buruan yang ditangkap oleh) binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajar (untuk berburu) mengikut cara pelatih-pelatih binatang pemburu. Kamu mengajar serta melatihnya (adab*

<sup>4</sup> Imān al-Dīn Abī al-Fidā' Ismā'īl b. `Umar b. Kathīr (2004), *Tafsīr al-Qurān al-Azīm al-Ma'rūf bi Tafsīr Ibn Kathīr*. j. 2, Riyādh: Dār al-Salām, h. 829.

peraturan berburu) sebagaimana yang telah diajarkan Allah SWT kepada kamu. Oleh itu, makanlah dari apa yang mereka tangkap untuk kamu dan sebutkanlah nama Allah SWT atasnya (ketika kamu melepaskan berburu): Dan bertaqwalah kepada Allah (dengan memelihara diri dari memakan yang diharamkan Allah SWT); Sesungguhnya Allah SWT amat cepat hitungan hisabnya.

Surah al-Māidah (5): 4

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT menghalalkan pengambilan haiwan yang ditangkap menggunakan haiwan yang telah dilatih seperti anjing dengan mengucapkan bacaan *basmalah* semasa melepaskan anjing tersebut.<sup>5</sup> Hal ini kerana, Allah SWT menghalalkan setiap yang baik dan berkhasiat. Manakala, haiwan yang hidup di udara dan di darat merupakan spesis burung yang boleh terbang dan tidak boleh terbang seperti burung kasawari, burung merpati, burung puyuh dan sebagainya yang halal untuk dimakan daging serta telurnya sebagai sumber makanan manusia. Selain itu juga, sesetengah spesis burung seperti sarang burung layang-layang dan sarang burung walit<sup>6</sup> mempunyai khasiat yang tinggi bagi kesihatan tubuh badan dan menyembuhkan banyak penyakit dalaman manusia. Firman Allah SWT di dalam al-Quran:

أَلَمْ يَرَوْا إِلَى الطَّيْرِ مُسَخَّرَاتٍ فِي جَوِّ السَّمَاءِ مَا يُمَسِّكُهُنَّ إِلَّا  
اللَّهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٧٦﴾

<sup>5</sup> *Ibid.*, h. 846.

<sup>6</sup> Persatuan Usahawan Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, <http://pushpiam.blogspot.com/>, 20 Februari 2011.

Maksudnya: *Tidakkah mereka melihat kepada burung-burung yang dimudahkan terbang melayang-layang di angkasa? Tiada yang menahan mereka (dari jatuh) melainkan Allah SWT; Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah SWT) bagi kaum yang beriman.*

Surah al-Nahl (16): 79

Ayat di atas pula, Allah SWT memperlihatkan kepada hamba-hambaNya agar melihat burung-burung yang berterbangan dan menggunakan kedua-dua sayapnya untuk bebas berterbangan di antara langit dan bumi.<sup>7</sup> Selain itu, harus mengambil manfaat daripada semua haiwan di laut kecuali yang memudaratkan kesihatan manusia. Antara contoh haiwan-haiwan laut seperti ikan, ketam, udang, sotong dan sebagainya. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَاللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَابَّةٍ مِّن مَّاءٍ فَمِنْهُمْ مَّن يَمْشِي عَلَىٰ بَطْنِهِ ۗ وَمِنْهُمْ  
مَّن يَمْشِي عَلَىٰ رِجْلَيْنِ وَمِنْهُمْ مَّن يَمْشِي عَلَىٰ أَرْبَعٍ ۗ تَخْلُقُ اللَّهُ مَا  
يَشَاءُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤٥﴾

Maksudnya: *Dan Allah SWT menciptakan tiap-tiap haiwan yang bergerak itu dari air; maka sebahagian diantara mereka menjalar atas perutnya, dan sebahagian lagi berjalan dengan empat kaki. Allah SWT menciptakan apa sahaja yang ia kehendaki (kecuali dari yang tersebut), kerana sesungguhnya Allah SWT amat berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.*

Surah al-Nūr (24): 45

Berdasarkan ayat ini, Allah SWT membuktikan kekuasaanNya yang agung dalam mencipta setiap kejadian yang berbeza-beza bentuk, pergerakan, warna dan kepelbagaian tempat tinggal haiwan. Contohnya, ular mempunyai bentuk pergerakan di

<sup>7</sup> Ibn Kathīr (2004), *op.cit*, h. 1586.

permukaan tanah. Manakala, manusia dan burung menggunakan sepasang kaki dan sayap untuk terbang. Malah, Allah SWT menciptakan dua pasang kaki kepada binatang ternakan dan binatang liar bagi memudahkan pergerakan haiwan ini mencari makanan dan kehidupan seharian.<sup>8</sup>

### 3.2.2 Haiwan Yang Haram

Antara haiwan-haiwan yang diharamkan dan ditegah oleh syarak telah dijelaskan oleh Allah SWT di dalam al-Quran sepertimana berikut:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ  
يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَّسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ  
فِسْقًا أَهْلًا لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ<sup>ج</sup> فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ  
رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepada aku, sesuatu yang diharamkan bagi orang-orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi - kerana sesungguhnya itu adalah kotor - atau sesuatu (sesuatu yang dilakukan secara) fasiq, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah SWT". Kemudian sesiapa yang terpaksa (memakan kerana darurat) sedang ia tidak menginginkan dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu amat pengampun, lagi amat mengasihani.*

Surah al-An'ām (6): 145

---

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 2005.

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran di atas, pengkaji dapat mengkategorikan haiwan yang diharamkan oleh Allah SWT adalah bangkai haiwan seperti haiwan yang mati akibat tercekik, haiwan yang mati akibat dipukul, haiwan yang mati akibat ditanduk, haiwan yang mati akibat jatuh dari tempat tinggi, haiwan yang tidak disembelih dengan menyebut nama Allah SWT.<sup>9</sup> Haiwan dua alam iaitu haiwan yang hidup di darat dan di dalam air seperti katak, penyu, buaya, kura-kura, labi-labi dan sebagainya.<sup>10</sup> Haiwan yang bertaring seperti babi, anjing, gajah, singa, harimau, serigala, beruang, badak, kucing, kera, anjing, tenggiling dan sebagainya. Haiwan yang berkuku tajam seperti burung helang, burung gagak, burung hantu dan sebagainya. Haiwan *ḥasharāt* iaitu haiwan bumi yang kecil seperti semut, lalat, cacing, labah-labah, ulat, pacat, lipas, lintah, lebah, nyamuk, kumbang dan sebagainya.<sup>11</sup>

Sepertimana di atas, haiwan yang halal dimakan perlu melalui proses sembelihan yang dianjurkan oleh Islam. Perkara ini merupakan perkara asas dalam ibadat. Selain itu, penyembelihan haiwan yang halal adalah syarat utama mengharuskan pengambilan daging dan bahagian-bahagian haiwan yang lain. Bahkan, kulit, tulang, tanduk dan sebagainya dijadikan sebagai barangan perhiasan. Perenggan berikutnya akan membincangkan konsep sembelihan dalam Islam.

---

<sup>9</sup> Abū al-Walid Muḥammad b. Aḥmad b. Muḥammad b. Aḥmad b. Ruḥd al-Qurtubī (2006), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Beirut: Muassasah al-Ma'ārif, h. 410-411.

<sup>10</sup> Musthafa Murad (2006), *Kesalahan Dalam Ibadat Dan Muamalat*. Kuala Lumpur: Jasmine Enterprise, h. 552.

<sup>11</sup> Wahbah Zuḥaylī (2004), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. j.4, Damshiq: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, h. 2799.



### 3.3 Konsep Sembelihan Dalam Islam

Konsep sembelihan dalam Islam adalah syarat yang wajib dipenuhi dan difahami oleh orang Islam. Ia boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu;

- i. Haiwan yang boleh dikuasai seperti haiwan ternakan antaranya unta, lembu, kambing, ayam, dan spesis burung.<sup>12</sup> Sembelihan akan dilakukan di *al-ḥalq* (الحلق) dan *al-labbah* (اللبة).<sup>13</sup>
- ii. Haiwan yang tidak boleh dikuasai iaitu haiwan liar seperti rusa, kijang, dan kambing gurun serta haiwan ternakan yang menjadi liar seperti lembu ternakan yang ingin disembelih tiba-tiba menjadi liar dan melarikan diri ke dalam hutan atau terjatuh ke dalam lubang.<sup>14</sup> Sembelihan akan dilakukan dengan melukai salah satu tempat pada badan haiwan tersebut.<sup>15</sup>

Oleh yang demikian, berdasarkan pengkelasan haiwan tersebut, penjelasan penyembelihan dan syarat-syarat sembelihan hendaklah dihuraikan secara terperinci dalam perenggan berikutnya.

---

<sup>12</sup> Muhd Izuan b. Moin (2003/2004), 'Kaedah Penyembelihan Ayam Secara Moden (*Water Stunner*) Di Analisis Mengikut Perspektif Fiqh' (Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 26.

<sup>13</sup> Abd Allāh b. Maḥmūd b. Mawdūd (1998), *al-Ikhtiyār li Ta'ālī al-Mukhtār*. j. 3, Beirūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, h. 10.

<sup>14</sup> Muhd Izuan bin Moin (2003/2004), *op. cit*, h. 26. Lihat juga, Shams al-Dīn Muḥammad b. Abī al-Abbās Aḥmad b. Hamzah b. Shihāb al-Dīn al-Ramlī (1938), *Nihāyah al-Muḥtāj ilā Sharḥ al-Minhāj*. j.8, Miṣr: Muṣṭafā Abī al-Ḥalabī wa Awlādihī, h. 115.

<sup>15</sup> Ibn Mawdūd (1998), *op. cit*, h. 10.

### 3.3.1 Definisi Sembelihan (*al-Dhabā'ih*)

*Al-dhabā'ih* berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu 'ذبح، يذبح، ذبح' yang bermaksud menyembelih.<sup>16</sup> Manakala, *al-dhabā'ih* merupakan kata terbitan dan *jamak* daripada perkataan 'الذبيحة' yang bermaksud yang disembelih.<sup>17</sup> Manakala, '*al-dhabā'ih*' dalam bahasa Inggeris diterjemahkan sebagai penyembelihan (*slaughter*)<sup>18</sup> atau menyembelih (*to slaughter*).<sup>19</sup> *Mawsū'ah al-fiqhiyyah* mendefinisikan *al-dhabā'ih* mempunyai tiga maksud iaitu memotong di kerongkong iaitu antara leher bawah dan dua urat di leher, memotong di kerongkong atau di bawah leher dan apa-apa yang mampu melukai haiwan sama ada memotong di leher atau di bawah leher haiwan yang boleh dikuasai atau mengeluarkan roh haiwan yang tidak boleh dikuasai dengan melukai mana-mana bahagian ditubuh badan haiwan tersebut.<sup>20</sup>

### 3.3.2 Rukun-Rukun Sembelihan

Syarat-syarat sembelihan merupakan syarat wajib yang harus diikuti oleh umat Islam bagi menghalalkan pengambilan daging haiwan dan harus mengambil manfaat daripada bahagian-bahagian anggota haiwan tersebut.<sup>21</sup> Sembelihan mempunyai tiga rukun

---

<sup>16</sup> Abu Yazeid el-Bustommy (2003), *Kamus al-Khauthar*. c.2. Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd., h. 311. Lihat juga, Usman bin Khalid *et al.* (2006), *Kamus Besar Arab Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 807.

<sup>17</sup> *Ibid.* h. 808. Lihat juga, Ibn Abī Zayd al-Qayrawānī (2000), *al-Thamarāladānī fī Taqrīb al-Ma'āni*. Beirūt: al-Maktabah al-Asriyyah, h. 231.

<sup>18</sup> John Wortabet dan Harvey Porter (t.t), *English-Arabic and Arabic-English Dictionary*. New York: Frederick Ungar Publishing Co., h. 344.

<sup>19</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), *Kamus Inggeris Melayu Dewan*. c.3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1506.

<sup>20</sup> Wizārah al-Awqāt wa al-Āsiyyūn (2006), *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*. j.1, c.4. Beirūt: Wizārah al-Awqāt wa al-Nā`shiūn al-Islāmiyyah, h. 171.

<sup>21</sup> Burhān al-Dīn Abī al-Ḥasan Alī b. Abī Bakr b. Abd al-Jalīl (t.t), *al-Hidāyah Sharḥ Bidāyah al-Mubtadī*. j.3, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 62.

utama iaitu penyembelih, haiwan sembelihan dan alat sembelihan. Berikut merupakan huraian syarat-syarat sembelihan secara terperinci:

### 3.3.2.1 Penyembelih

Syarat-syarat bagi penyembelih secara umum adalah beragama Islam, baligh, berakal, mumaiyiz, penyembelih tidak berada di tanah suci, penyembelih menyebutkan nama Allah SWT semasa sembelihan dilakukan, niat sembelihan dan melihat.<sup>22</sup> Antaranya adalah:

**Pertama**, penyembelih hendaklah terdiri daripada lelaki atau perempuan yang beragama Islam atau ahli kitab sama ada Yahudi atau Nasrani.<sup>23</sup> Hal ini berdasarkan firman Allah SWT dalam al-Quran:

الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ<sup>ط</sup> وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ  
لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ

Maksudnya: *Pada masa ini dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang lazat-lazat serta baik-baik. Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang telah diberikan kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah untuk kamu memberi makan kepada mereka).*

Surah al-Māidah (5): 5

Berdasarkan penjelasan ayat ini, sembelihan yang dilakukan oleh ahli kitab adalah halal. Islam juga mengharuskan manusia memanfaatkan daging dan susunya.<sup>24</sup>

<sup>22</sup> Zuhaylī (2004), *op. cit.*, h. 2759-2760.

<sup>23</sup> *Ibid.*, h. 2763-2764. Lihat juga, Ibn Mawdūd (1998), *op.cit.*, h. 10.

<sup>24</sup> Ibn Kathir (2004), *op.cit.*, h. 851.

Manakala, penyembelihan yang dilakukan oleh orang yang bukan beragama Islam dan bukan ahli kitab seperti orang musyrik, murtad, *al-wathanī*, mulhid, majusi dan ahli zindik adalah haram secara mutlak.<sup>25</sup> Golongan-golongan ini diharamkan kerana mereka tidak menyebut nama Allah SWT semasa melakukan sembelihan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa daging import yang diimport daripada negara-negara bukan Islam adalah haram seperti Rusia, China, India dan sebagainya. Firman Allah SWT di dalam al-Quran:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أَلْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخَنزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبْعُ إِلَّا مَا ذَكَيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَمِ ذَلِكُمْ فِسْقٌ

Maksudnya: *Diharamkan ke atas kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah SWT, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan oleh binatang luas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu menengok nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasiq.*

Surah al-Māidah (5): 3

<sup>25</sup> Muḥammad Aḥmad Ḥillī (2004), *Fatāwā Muṣṭafā al-Zarkhā*. Damsiyq: Dār al-Qalam, h. 219. Lihat juga, Zuḥaylī (2004), *op. cit.*, h. 2759. Lihat juga, Shaykh Maṣṣūr b. Yūnus b. Idrīs al-Buhūṭī (2005), *Sharḥ Muntahā al-ʿIrādāt fī Jamīʿ al-Muqniʿ maʿa al-Tanqīh wa Ziyādāt*. j.4, Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, h. 295. Lihat juga, Shaykh Maṣṣūr b. Yūnus b. Idrīs al-Buhūṭī (2003), *Kashāf al-Qināʿ ʿan Matan al-Iqnāʿ*. j. 9, Riyadh: Dār ʿĀlim al-Kutub, h. 3108. Lihat juga, Ibn ʿAbd al-Jalīl (t.t), *op.cit.*, h. 62.

Oleh itu, Allah SWT mengharamkan pengambilan bangkai, darah, daging babi, haiwan yang mati dalam keadaan tercekik, terpukul, terjatuh, ditanduk, diterkam binatang buas, serta sembelihan ke atas berhala. Mujāhid Ibn Jūraih menyatakan, terdapat seratus enam puluh patung berhala yang terdapat di sekeliling Kaabah. Orang-orang Musyrikin akan menyembelih haiwan tersebut, kemudian menyimbahkan darah ke arah berhala dan menyajikan daging haiwan kepada berhala-berhala tersebut. Oleh kerana ini, Allah SWT mengharamkan memakan sembelihan *ahli nuṣub* sekalipun disebutkan nama Allah SWT ke atas sembelihan tersebut. Perbuatan ini tergolong sebagai perbuatan ahli musyrik.<sup>26</sup>

**Kedua**, penyembelih hendaklah baligh, berakal<sup>27</sup> dan mumaiyiz.<sup>28</sup> Berdasarkan syarat kedua ini jumhur mensyaratkan penyembelih sama ada lelaki atau perempuan hendaklah berakal, mumaiyiz dan baligh atau belum baligh.<sup>29</sup> Manakala, di sisi mazhab Hanafi mensyaratkan, penyembelih hendaklah berakal dan menyebut *tasmiyyah* semasa melakukan sembelihan.<sup>30</sup> Menurut ulama Syafii, sembelihan yang dilakukan oleh kanak-kanak yang tidak mumaiyiz adalah halal menurut syarak. Manakala, sembelihan yang dilakukan oleh orang gila dan orang mabuk adalah makruh. Sebaliknya hukum sembelihan orang tidur, sebahagian ulama Syafii menghalalkannya dengan syarat diniatkan terlebih dahulu dan sebahagiannya pula mengharamkan tanpa menyebut niat sebelumnya.<sup>31</sup>

---

<sup>26</sup> Ibn Kathīr (2004), *op.cit*, j. 2, h. 840.

<sup>27</sup> Wizārah al-Awqāt wa al-Āsiyyūn (2006), *op. cit*, h. 183.

<sup>28</sup> Zuḥaylī (2004), *op. cit*, h. 2763.

<sup>29</sup> Sa'dī Abū Jayb (1999), *Mawsu'ah al-Ijmā' fī al-Fiqh al-Islāmī*. j.1, Dimashq: Dār al-Fikr, h. 448.

<sup>30</sup> Shaykh Abū Dhar Ḥusayn al-Fāḍilī (1971), *Taysīr al-Fiqh al-Ḥanafī*, Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, h. 227.

<sup>31</sup> al-Ramlī (1938), *op. cit*, h. 105.

**Ketiga**, penyembelih tidak berada dalam keadaan ihram semasa melakukan sembelihan.<sup>32</sup> Orang Islam yang melakukan haji tidak dibenarkan melakukan sebarang sembelihan atau pemburuan haiwan sehingga menyelesaikan kefardhuan haji. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Māidah ayat ke 96:

أَحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَتَعًا لَكُمْ وَلِلسَّيَّارَةِ وَحُرْمٌ  
عَلَيْكُمْ صَيْدُ الْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرْمًا ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ  
تُحْشَرُونَ

Maksudnya: *Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut, dan makanan yang didapati dari laut, sebagai bekalan bagi kamu (untuk dinikmati kelazatannya) dan juga bagi orang-orang yang dalam pelayaran; tetapi diharamkan ke atas kamu memburu binatang buruan darat selama kamu sedang berihram. Oleh itu, bertaqwalah kepada Allah SWT, yang kepadanya kamu akan dihimpunkan.*

Surah al-Māidah (5): 96

Pandangan Ma`mūr b. Zuhri dan Ibn `Umar, menegah pengambilan daging pemburuan yang diburu oleh orang yang berihram dalam semua keadaan. Perkara ini dipersetujui oleh Tāwūs, Jābir b. Zayd, Qatādah dan beberapa ulama lain bahawa memakan daging pemburuan daripada orang yang berihram adalah ditegah dalam Islam.<sup>33</sup>

<sup>32</sup> *Ibid.*, h. 2763.

<sup>33</sup> Ibn Kathīr (2004), j. 2, *op.cit*, h. 968.

**Keempat**, penyembelih menyebut nama Allah SWT semasa memulakan proses sembelihan.<sup>34</sup> Bacaan *tasmiyah* dalam kalangan mazhab Syafii tidak termasuk rukun sembelihan, bahkan melakukannya merupakan sunat. Sekiranya penyembelih terlupa atau sengaja tidak menyebut *tasmiyah* maka penyembelihan tersebut tetap halal.<sup>35</sup> Sembelihan ke atas haiwan dengan menyebut nama lain selain nama Allah SWT seperti berhala, sultan, ketua atau pemerintah dengan tujuan untuk mengagungkan adalah haram dan tergolong dalam perbuatan orang musyrik.<sup>36</sup> Firman Allah SWT dalam surah al-Māidah ayat ke 3:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلِيَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ  
وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبْعُ  
إِلَّا مَا ذَكَيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَمِ  
ذَلِكَمْ فِسْقٌ

Maksudnya: *Diharamkan ke atas kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah SWT, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan oleh binatang luas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu menengok nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasiq.*

Surah al-Māidah (5): 3

<sup>34</sup> Abū al-`Abbās Aḥmad b. `Umar b. Ibrāhīm al-Qurṭubī (1999), *al-Mufhim limā Ashkala min Talkhīs Kitāb Muslim*. j.5, c.2. Beīrut: Dār Ibn Kathīr, h. 368. Lihat juga, Shaykh Maṣṣūr b. Yūsuf b. Idrīs al-Buhūtī (2002), *al-Rawḍ al-Murbi' bi Sharḥ Zād al-Mustaḥni' Mukhtaṣar al-Muḥni' fi Fiqh Imām al-Sunnah Aḥmad Ibn Ḥanbal*. Beīrut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 404.

<sup>35</sup> al-Qayrawānī (2000), *op. cit*, h. 235.

<sup>36</sup> Muḥammad b. Ṣāliḥ al-Uthaymin (2004), *al-Sharḥ al-Mumtanī `alā Zādi al-Mustaḥni'*. c.6. (T.P): Dār al-Mannār, h. 310.

Berdasarkan firman Allah SWT di atas, sembelihan haiwan tanpa menyebut nama Allah SWT adalah haram kerana sembelihan tersebut menyerupai sifat orang musyrik.<sup>37</sup> **Syarat kelima**, penyembelih hendaklah berniat semasa melakukan sembelihan. Oleh itu, sembelihan tanpa niat adalah tidak sah.<sup>38</sup> **Syarat keenam**, penyembelihan hendaklah seorang yang boleh melihat. Tidak halal sembelihan yang dilakukan oleh orang buta.<sup>39</sup>

### 3.3.1.2 Haiwan Sembelihan

Syarat-syarat haiwan sembelihan secara umum ada tiga iaitu haiwan halal yang masih mempunyai *ḥayah mustaqirrah*, haiwan halal yang mati dengan sembelihan dan memutuskan halkum dan merih. Penjelasan secara terperinci adalah seperti berikut:

**Pertama**, haiwan sembelihan terdiri daripada haiwan halal yang mempunyai *ḥayah mustaqirrah*. Menurut mazhab Syafii,<sup>40</sup> disyaratkan terdapat unsur *ḥayah mustaqirrah* terhadap haiwan sembelihan. *Ḥayah mustaqirrah* bermaksud berlaku gerakan-gerakan haiwan selepas proses penyembelihan. Hal ini menunjukkan bahawa haiwan tersebut masih hidup semasa melakukan penyembelihan. Antara tanda-tanda *ḥayah mustaqirrah* adalah gerakan yang bersangatan dan terpercik darah atau pengaliran darah.<sup>41</sup>

---

<sup>37</sup> Abū Jayb (1999), *op. cit.*, h. 1143.

<sup>38</sup> al-Buhūṭī (2003), *op. cit.*, j.9, h. 3107.

<sup>39</sup> al-Ramlī (1938), *op. cit.*, h. 106.

<sup>40</sup> *Ibid.*, h. 105.

<sup>41</sup> Shaykh Ibrāhīm al-Bājūrī (t.t), *Hāshiyah al-Bājūrī`alā Ibn Qāsim al-Ghazzā*. j.2, Miṣr: `Isā al-Bābī al-Ḥalabī wa Shirkah, h. 286.



**Kedua**, hendaklah haiwan tersebut mati dengan sekali sembelihan, iaitu sembelihan yang dilakukan oleh penyembelih. Pandangan mazhab Syafii,<sup>42</sup> sembelihan yang dilakukan ke atas leher belakang biri-biri adalah haram dimakan. Manakala, mazhab Hanbali<sup>43</sup> menjelaskan haiwan yang disembelih di atas leher belakang sama ada secara sengaja dilakukan atau terjatuh alat sembelihan yang lain tetapi masih terdapat *ḥayah mustaqirrah*, maka hukumnya adalah halal.

**Ketiga**, hendaklah memutuskan halkum dan merih. Penyembelih wajib memutuskan halkum dan merih haiwan yang mampu dikuasai. Manakala, haiwan yang tidak mampu dikuasai hendaklah dilakukan pada mana-mana bahagian badan haiwan tersebut. Hendaklah dimulakan dengan niat sembelihan sebelum melepaskan sebarang alat sembelihan seperti batu tajam, anak panah dan sebagainya.<sup>44</sup> Manakala menurut mazhab Maliki, tempat sembelihan haiwan adalah halkum dan dua urat leher yang terdapat berhampiran dengannya.<sup>45</sup> Pandangan mazhab Hanafi pula, tempat sembelihan adalah halkum, merih dan *al-awdāj* ( الأوداج ) atau disebut sebagai *al-irqān* ( العرقان ).<sup>46</sup> Halkum bermaksud saluran pernafasan haiwan atau tempat pernafasan.<sup>47</sup> Manakala, merih bermaksud saluran darah di leher haiwan atau saluran makanan dan minuman. Walau bagaimanapun, penyembelih tidak diharuskan mengangkat tangan dari tempat

---

<sup>42</sup> Shams al-Dīn Shaykh Muḥammad `Arafah al-Dusūqī (t.t), *Hāshiyah al-Dusūqī `alā Sharḥ al-Kabīr*. j.2, Miṣr: `Isā al-Bābī al-Ḥalabī wa Shirkah, h. 99.

<sup>43</sup> al-Buhūṭī (2002), *op.cit*, h. 405.

<sup>44</sup> al-Bājūrī (t.t), *op. cit*, h. 284.

<sup>45</sup> Shaykh Ṣāliḥ `Abd al-Samī' b. al-Azharī (t.t), *Jawāhir al-Iklīl: Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl fī Madhhab al-Imām Mālik*. j.1, (T.P): `Isā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 208. Lihat juga, Khalīl b. Ishāq b. Musā (t.t), *Mukhtaṣar Khalīl fī Fiqh al-Imām Mālik*. Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādihi, h. 80.

<sup>46</sup> Ibn Mawdūd (1998), *op. cit*, h. 12. Lihat juga, Abī `Abd Allāh Muḥammad b. al-Ḥasan al-Shaybānī (1304), *al-Jāmi' al-Ṣaghīr*. Beirut: Ā'lim al-Kutub, h. 472. Lihat juga, Ibn `Abd al-Jalīl (t.t), *op. cit*, h. 64.

<sup>47</sup> al-Buhūṭī (2003), *op. cit*, j.9, h. 3109.

sembelihan dalam kadar yang segera kerana ditakuti akan mengazabkan haiwan sembelihan.<sup>48</sup>

### 3.3.2.3 Alatan Sembelihan

Alatan sembelihan merupakan aspek yang penting sebelum proses sembelihan. Islam amat menjaga sifat ihsan terhadap haiwan sembelihan agar sembelihan yang dilakukan tidak menyeksakan dan tidak menyakitkan haiwan.<sup>49</sup> Sabda Rasulullah SAW, daripada `Abāyah Ibn Rifā`ah daripada datuknya, bahawa dia berkata: Wahai Rasulullah SAW, kami tidak mempunyai pisau. Maka, baginda SAW bersabda:<sup>50</sup>

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "كُلُّ - يَغْيِي - مَا أَنَهَرَ الدَّمَ إِلَّا السِّنَّ وَالظُّفْرَ"

Maksudnya; Sabda Nabi Muhammad SAW: *Semua alatan yang dapat mengalirkan darah kecuali gigi dan kuku*”.

(Riwayat Bukhari)

Berdasarkan hadis di atas, para fuqaha bersepakat menyatakan syarat utama alatan sembelihan adalah menggunakan peralatan yang tajam dan dapat melukai leher haiwan seperti besi, tembaga, emas, perak, bilah sembilu, kaca dan sebagainya. Oleh itu, penggunaan peralatan yang tumpul atau tidak tajam adalah ditegah oleh syarak.<sup>51</sup> Menurut mazhab Syafii,<sup>52</sup> mereka tidak membenarkan penggunaan gigi tulang dan kuku sebagai peralatan sembelihan.<sup>53</sup> Manakala, mazhab Hanafi<sup>54</sup> mengharuskan

<sup>48</sup> *Ibid.*, (2002), *op. cit.*, h. 404.

<sup>49</sup> al-Qurṭubī (1999), *op. cit.*, h. 344.

<sup>50</sup> Muhammad Muhsin Khar (1979), *The Translation Of The Meanings Of Sahih Al-Bukhari*. j.3, v. 7. Chicago: Kazi Publications. No. h: 414 dlm, Bāb Lā Yuzakka bi al-Sinni wa al-`Azmi wa al-Zufri, h. 301.

<sup>51</sup> al-Qurṭubī (2000), *op. cit.*, h. 259. Lihat juga, al-Buhūṭī (2003), *op. cit.*, j.9, h. 3108.

<sup>52</sup> Abū Zakariyya Muḥy al-Dīn b. Sharaf al-Nawāwī (t.t), *Rawḍah al-Ṭālibīn*. j.3, (T.P): al-Maktabah al-Islamiyyah, h. 234.

<sup>53</sup> Ibn Mawḍūd (1998), *op. cit.*, h. 13.-14.

penggunaan kuku, gigi dan tanduk sebagai alatan sembelihan tetapi hukumnya adalah makruh. Walau bagaimanapun, daging sembelihan tersebut adalah halal untuk dimakan.

Sembelihan dalam Islam memberikan beberapa impak terhadap penggunaan daging, tulang, tanduk, kulit, bulu, kuku dan gigi sama ada haiwan halal ataupun haiwan haram. Oleh yang demikian, sembelihan terhadap haiwan halal memberikan tiga impak yang utama iaitu mengekalkan sifat suci haiwan, halal mengambil manfaat daripada daging haiwan sembelihan serta harus memanfaatkan kulit, bulu, tulang, gigi dan sebagainya.<sup>55</sup>

Setiap sembelihan yang dilakukan ke atas haiwan halal, akan mengharuskan penggunaan tulang-tulangnya. Berdasarkan hakikat ini, terdapat bejana yang diperbuat daripada gading haiwan buas seperti gading gajah. Bejana gading gajah ini biasanya digunakan sebagai alatan pinggan mangkuk. Sunnah menegaskan bahawa haram memanfaatkan daging haiwan buas, akan tetapi tidak ditegah untuk menggunakan bahagian-bahagian lain seperti kulit, tulang, bulu dan sebagainya setelah disamak (*dibāgh*). Hal ini demikian kerana, para ulama sepakat terhadap penggunaan kulit dan bahagian-bahagian haiwan yang lain setelah ia disamak.<sup>56</sup> Dr. Wahbah Zuḥaylī mengatakan kulit haiwan yang mati seperti biri-biri adalah suci setelah melalui proses penyamakan.<sup>57</sup>

---

<sup>54</sup> Muḥammad b. `Abd al-Wahid b. al-Humām (1995), *Sharḥ Fath al-Qadīr*. j.8, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 59.

<sup>55</sup> Wizārah al-Awqāt wa al-Āsiyyūn (2006), *op. cit*, h. 174-175.

<sup>56</sup> Abū Jayb (1999), *op.cit*, h. 1143.

<sup>57</sup> Zuḥaylī (2005), *op.cit*, h. 23.

Manakala, ulama berselisih pandangan terhadap hukum penggunaan tulang bangkai bagi haiwan halal. Pandangan daripada mazhab Syafii, bahawa tulang, kuku dan tanduk mempunyai unsur-unsur kehidupan (*rūḥ*) dan najis setelah ia berubah menjadi bangkai.<sup>58</sup> Mazhab Hanbali juga menegaskan tulang merupakan sebahagian daripada bangkai haiwan.<sup>59</sup> *Mawsu'ah al-Fiqhiyyah* menjelaskan bahagian-bahagian bangkai yang tidak mempunyai darah dan berbentuk padat seperti tanduk, tulang, gigi, rambut, kuku, bulu dan sebagainya tidak dikategorikan sebagai bangkai.<sup>60</sup> Petikan daripada pandangan Wahbah Zuḥaylī di dalam kitabnya *Fatāwā al-`Aṣrī*, beliau menyatakan mazhab Maliki dan mazhab Hanafi berpendapat kulit harimau dan gading gajah adalah suci.<sup>61</sup> Punca berlakunya perselisihan ulama terhadap penggunaan tulang adalah sifat '*al-ḥayāh*' iaitu unsur kehidupan yang terdapat pada bahagian tulang.<sup>62</sup>

*Bone china* termasuk di dalam alatan bejana. Maka huraian secara terperinci terhadap konsep bejana dalam Islam perlu dilakukan. Konsep bejana akan membincangkan beberapa bejana yang biasanya digunakan dalam masyarakat Islam serta perbahasannya sepertimana perenggan berikutnya:

---

<sup>58</sup> Abū al-Sa`ādāt al-Mubārak b. Muḥammad b. `Abd al-Karīm al-Jazirī (2007), *al-Shāfi'ī fī Sharḥ Musnad al-Shāfi'ī*. Miṣr: Dār al-Kalimah, h. 98.

<sup>59</sup> Bahā' al-Dīn `Abd al-Raḥmān b. Ibrāhīm (1997), *al-`Uddah Sharḥ al-Umdah fī Fiqh Imām al-Sunnah Aḥmad Ibn Ḥanbal al-Shaybānī*. c.5. Beirut: Dār al-Ma`rifah, h. 24.

<sup>60</sup> Wizārah al-Awqāt wa al-Āsiyyūn (2005), *op.cit*, h. 74.

<sup>61</sup> Wahbah Zuḥaylī (2005), *Fatāwā al-`Aṣrī*. Beirut: Dār al-Khair, h. 26.

<sup>62</sup> `Abd Allāh `Abd al-Raḥīm al-`Ibādī (1978), *al-Dhabā'ih fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. al-Qāhirah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, h. 186.

### 3.4 Konsep Bejana Dalam Islam

*Bone china* dikategorikan sebagai peralatan meja atau peralatan pinggan mangkuk yang terkenal dengan ciri-ciri yang dimilikinya. Para fuqaha klasik telah membincangkan konsep ini di dalam bab *al-āniyah* atau dikenali sebagai bejana dalam sistem perundangan Islam. Dalam bab *al-āniyah*, skop perbincangan fuqaha difokuskan kepada beberapa kategori bejana seperti bejana emas dan perak, bejana selain emas dan perak, bejana kulit haiwan dan bejana tulang. Oleh yang demikian, skop pengkajian pengkaji akan membahaskan bab *al-āniyah* menurut fiqh sebelum perbincangan terhadap metodologi hukum *bone china* dihuraikan secara terperinci.

#### 3.4.1 Definisi Bejana (*al-Āniyah*)

*Al-āniyah* berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu 'إناء' yang bermaksud bekas (tempat air dan lain-lain), balang, jag,<sup>63</sup> acuan, balang, batil, bejana, belanga, cawan, mangkuk, tempayan dan sebagainya.<sup>64</sup> *Al-āniyah* merupakan kata terbitan dan *jamak* daripada perkataan 'آنية' atau 'الأواني'<sup>65</sup> yang bermaksud bejana atau tempat.<sup>66</sup> Selain itu, *al-āniyah* juga sinonim dengan perkataan 'صهريج'.<sup>67</sup> Oleh yang demikian, *al-āniyah* merupakan tempat penyimpanan dan penyediaan makanan dan minuman oleh golongan wanita untuk kegunaan-kegunaan khusus di dapur. Pada era moden kini, pelbagai

---

<sup>63</sup> Kelana C.M Lai Choy (1998), *Kamus Perwira*. Selangor: Penerbitan Daya Sdn. Bhd., h. 125 .

<sup>64</sup> Mashitah Binti Baharin (2008), *Thesaurus Bahasa Melayu Dewan*. c. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 88.

<sup>65</sup> Abd Rauf Hassan *et al.* (2005), *Kamus*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd., h. 18. Lihat juga, Dewan Bahasa dan Pustaka (2006), *Kamus Besar Arab Melayu Dewan*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 74.

<sup>66</sup> Abdul Yazid al-Bustommy (2006), *Kamus al-Mukhtar*. c.3. Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd., h. 213.

<sup>67</sup> *Ibid.*, h. 20.

barangan meja boleh didapati di pasaran seperti melamine, seramik, porselin, kaca dan sebagainya.

### 3.4.2 Jenis-Jenis Bejana

Bejana diklasifikasikan kepada beberapa kategori tertentu. Hukum penggunaannya terbahagi kepada dua iaitu harus penggunaan tanpa sebarang tegahan<sup>68</sup> dan diharamkan penggunaannya secara *qat'i*.<sup>69</sup> Perincian pengklasifikasian adalah seperti berikut:

#### 3.4.2.1 Bejana Emas Dan Perak

Emas dan perak mempunyai nilai kormesil di dunia. Berteraskan hal ini, bejana yang diperbuat daripada emas dan perak merupakan barangan yang berharga dan bermutu tinggi. Bejana ini direka bentuk seperti pinggan, mangkuk, gelas, cawan dan sebagainya. Penggunaannya dihukumkan sebagai haram berdasarkan nas sahih.<sup>70</sup> Oleh itu, bejana emas dan perak diharamkan ke atas seluruh umat Islam secara mutlak.<sup>71</sup>

---

<sup>68</sup> Shams al-Dīn Muḥammad b. Abī al-Abbās Aḥmad b. Hamzah b. Shihāb al-Dīn (1967), *Nihāyah al-Muhtāj ilā Sharḥ al-Minhāj*. Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 102.

<sup>69</sup> `Abd Allāh b. Qudāmah (2001), *al-Kāfī fī Fiqh al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal*. j.1, Beirut: Dār al-Kutub, h. 14-15.

<sup>70</sup> Abū Muḥammad `Abd Allāh b. Aḥmad b. Muḥammad b. Qudāmah (1972), *al-Mughnī*. j.1, Beirut: Dār al-Kitāb al-`Arabī, h. 55.

<sup>71</sup> Shaykh Maṣṣūr b. Yūnus b. Idrīs al-Buhūtī (2005), *Sharḥ Muntahā al-`Irādāt fī Jam'i al-Muqṣad ma'a al-Tanqīh wa Ziyādāt*. j. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 33. Lihat juga, Ibn Shihāb al-Dīn (1967), *op.cit*, h. 102.

`Illah pengharamannya jelas di dalam syariat Islam disebabkan penggunaannya akan menimbulkan sifat sombong dan riyak kepada pemilik bejana tersebut.<sup>72</sup> Asas pengharaman berdasarkan sunnah SAW:<sup>73</sup>

عن أم سلمة: أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: (( إن الذي يأكل ويشرب في آنية الذهب والفضة إنما يجرجر في بطنه نار جهنم ))

Maksudnya: *Daripada Ummu Salamah RA, bersabda Rasulullah SAW: "Sesiapa yang makan dan minum daripada bejana emas dan perak, maka api neraka jahannam menggelegak di dalam perutnya".*

(Riwayat Bukhari)

Hadis di atas menunjukkan pengharaman menggunakan bejana emas dan perak sama ada digunakan untuk kegunaan penyediaan makanan, minuman, bekas minyak wangi, bekas celak ataupun sebagainya.<sup>74</sup> Mazhab Hanafi menegaskan tidak harus menggunakan peralatan pinggan mangkuk yang diperbuat daripada emas dan perak sebagai perkakasan makanan, minuman, peralatan wangi-wangian dan sebagainya. Bejana emas dan perak diumpamakan sebagai perhiasan orang-orang musyrik dan penggunaannya termasuk di dalam kategori perhiasan yang berlebih-lebihan.<sup>75</sup> Kaedah fiqh yang sesuai digunakan, 'ما حرم إتخاذه حرم إستعماله' yang bermaksud sesuatu yang diharamkan menggunakannya, maka diharamkan pengambilannya.<sup>76</sup>

<sup>72</sup> Yusri al-Sayyid Muḥammad (2000), *Jamī' al-Fiqh*. j.1, Mansūrah: Dār al-Wafā', h. 118. Lihat juga, Shaykh Muḥammad al-Sharbaynī (t.t), *al-Khaṭīb al-Iqnā' fī Hilli Alfāz Abī Shujā'*. j. 1, Singapura: Maktabah wa Maṭba'ah Sulaymān Mar'ī, h. 27.

<sup>73</sup> Abū `Abd Allāh Muḥammad b. Ismā'īl b. Ibrāhīm b. al-Mughīrah b. Bazdizbah (t.t), *Ṣaḥīḥ Bukhārī* al-Qāhīrah: Dār al-Hadīth, No. h.: 5694 dlm. Bab Ānīyah al-Fidhah. h. 148.

<sup>74</sup> Abū al-Abbās Aḥmad b. `Umar b. Ibrāhīm al-Qurṭubī (t.t), *al-Mufhim limā Ashkala min Talkhīṣ Kitāb Muslim*. j.5, c. 2. Damsyiq: Dār Ibn Kathīr, h. 345. Lihat juga, al-Sharbaynī (t.t), *op.cit*, h. 27.

<sup>75</sup> Shams al-Dīn Aḥmad b. Qūdir (t.t), *Natā'ij al-Afkār fī Kashf al-Ramūz wa al-Asrār*. j.10, Misr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 5-6.

<sup>76</sup> Jalāl al-Dīn `Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī (t.t), *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir fī Qawā'id wa Furū' Fiqh al-Shāfi'iyyah*. al-Qāhīrah: (T.T.P), h. 165.

Namun demikian, terdapat juga peralatan *wudhu'* dan mandian yang diperbuat daripada emas dan perak. Berdasarkan perkara ini, para fuqaha tidak sependapat dalam perkara ini. Jumah menyatakan, hukum penggunaannya diharuskan oleh syarak. Sah ber*wudhu'* dan mandi menggunakan bejana emas dan perak.<sup>77</sup> Manakala, mazhab Hanbali dan Abu Bakar menyatakan tidak sah mengambil air sembahyang menggunakan peralatan *wudhu'* yang diperbuat daripada emas dan perak kerana penggunaannya diharamkan dari aspek ibadah.<sup>78</sup> Walau bagaimanapun, diharuskan kepada kaum wanita menggunakan emas dan perak sebagai perhiasan bagi memperlihatkan kecantikan mereka di hadapan suami. Perhiasan emas dan perak diharuskan oleh syarak.<sup>79</sup>

#### 3.4.1.2 Bejana Selain Emas dan Perak

Bejana selain emas dan perak boleh dihasilkan sama ada secara perkilangan atau semulajadi. Antara contoh-contoh bejana selain emas dan perak kategori mahal dan bermutu tinggi adalah bejana batu delima, bejana zamrud, bejana batu permata, bejana batuan Belanda dan tembaga.<sup>80</sup> Manakala, bejana kulit, bejana kaca dan bejana kayu dikategorikan sebagai kurang bermutu dan berkualiti rendah.<sup>81</sup> Penggunaannya diharuskan<sup>82</sup> dan tidak ditegah oleh syarak.<sup>83</sup> Imam Shafii menyatakan di dalam kitabnya yang berjudul *al-Umm*:<sup>84</sup>

---

<sup>77</sup> Ibn Qudāmah (1972), *op. cit.*, h. 62-63.

<sup>78</sup> *Ibid.*

<sup>79</sup> Ibn Qudāmah (2001), *op. cit.*, h. 14-15.

<sup>80</sup> *Ibid.* Lihat juga, Ibn Qudāmah (1972), *op. cit.*, h. 55-65.

<sup>81</sup> Wizārah al-Awqāt wa al-Āsiyyūn (2006), *op. cit.*, h. 120.

<sup>82</sup> Bahā al-Dīn `Abd al-Raḥmān b. Ibrāhīm (t.t), *al-`Uddah Sharḥ al-`Umdah*. Beirūt: Dār al-Ma`rifah, h. 22. Lihat juga, Ibn Qudāmah (1972), *op. cit.*, h. 66. Lihat juga, Ibn Shihāb al-Dīn (1967), *op.cit.*, h. 105.

<sup>83</sup> *Ibid.*, h. 65.

<sup>84</sup> al-Shāfi`ī (t.t), *op.cit.*, h. 1.



*Dan tidak ditegah menggunakan bejana-bejana kecuali bejana emas dan perak.*

Berdasarkan pandangan Imam Syafii, menunjukkan bahawa penggunaan bejana selain emas dan perak diharuskan oleh syarak. Terdapat empat kaedah syarak yang mengharuskan penggunaan bejana selain emas dan perak. Pertama, penentuan kaedah *qiyās*. Tidak harus meng*qiyās*kan hukum penggunaan bejana emas dan perak dengan bejana berharga seperti bejana batu delima, bejana zamrud dan bejana batu Belanda. Hal ini kerana, hukum penggunaan bejana emas dan perak diharamkan secara *qat'i* melalui sunnah.<sup>85</sup> Kedua, kaedah *al-istiṣhāb* iaitu hukum asal penggunaan bejana adalah harus sehingga ada dalil lain yang mengharamkannya. Kaedah ini sesuai dengan kaedah fiqh iaitu 'الحل فيبقى عليه الأصل' dan 'الإباحة حتى يدل الدليل على تحريمه'.<sup>86</sup> Ketiga, perbuatan Nabi Muhammad SAW, baginda telah mengambil *wudhu'* daripada bekas air yang kecil daripada tembaga, bekas kecil daripada batu, kendi yang dikenali sebagai *jufnah* (bekas air). Perkara-perkara ini diharuskan oleh syarak disebabkan penggunaannya tidak akan menyinggung perasaan golongan yang tidak berkemampuan seperti golongan miskin dan fakir.<sup>87</sup> Keempat, kaedah *maṣlaḥah* iaitu memperluaskan penggunaan bejana selain emas dan perak bagi tujuan mempermudah kehidupan manusia.<sup>88</sup> Oleh yang demikian, penggunaannya diharuskan oleh syarak.

---

<sup>85</sup> Ibn Ibrāhīm (t.t), *op. cit*, h. 22. Lihat juga, Ibn Qudāmah (1972), *op. cit*, h. 66.

<sup>86</sup> al-Nakhlah (2006), *op. cit*, h. 64.

<sup>87</sup> *Ibid.*, h. 65-66. Lihat juga, Ibrāhīm (t.t), *op. cit*, h. 22. Lihat juga, Ibn Qudāmah (1972), *op. cit*, h. 66.

<sup>88</sup> al-Nakhlah (2006), *op. cit*, h. 64.

### 3.4.1.3 Bejana Kulit Haiwan

Kulit haiwan yang mati dengan sembelihan atau tanpa sembelihan sering dimanfaatkan sebagai bekas minuman dan makanan. Dalam hal ini, para ulama sepakat terhadap kenajisan kulit bangkai sebelum proses penyamakan.<sup>89</sup> Walau bagaimanapun, fuqaha berbeza pandangan terhadap kulit bangkai yang tidak melalui proses penyamakan tetapi dijadikan sebagai bekas minuman dan makanan. Para fuqaha terbahagi kepada dua pandangan.

#### i. **Golongan Pertama:** Fuqaha yang mengharuskan dan perbahasannya

Sepertimana yang dinyatakan di atas, kulit haiwan yang telah disamak menjadi suci serta harus untuk dimanfaatkan. Antara fuqaha yang mengharuskan penggunaannya adalah Imam Syafii. Imam Syafii<sup>90</sup> menyatakan kulit haiwan yang halal dimakan akan suci melalui proses penyamakan. Begitu juga, kulit haiwan yang haram dimakan dagingnya seperti haiwan *al-sibā'* akan suci setelah kulitnya disamak.<sup>91</sup> Walau bagaimanapun, Imam Syafii tidak sependapat terhadap penggunaan kulit haiwan yang haram seperti anjing dan babi kerana kedua-dua haiwan ini dikategorikan sebagai najis *ainī* dan haram mememanfaatkannya. Proses penyamakan tidak akan merubah sifat dan zat asal kedua-dua haiwan ini.<sup>92</sup>

---

<sup>89</sup> Shaykh Ḥasan b. `Amār b. `Alī (1947), *Murāqī' al-Falāḥ Sharḥ Nūr al-Īdāh*. Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 30.

<sup>90</sup> al-Shāfi'ī (t.t), *op. cit*, h. 1.

<sup>91</sup> *Ibid.*

<sup>92</sup> *Ibid.*

Abu Hanifah juga berpandangan semua kulit haiwan yang halal menjadi suci dengan proses penyamakan kecuali kulit babi dan kulit manusia.<sup>93</sup> Kulit babi tidak suci melalui kaedah penyamakan kerana kulit babi dikategorikan sebagai najis *ainī* dan kulit manusia pula dimuliakan oleh Allah SWT. Demikian juga, diharuskan menggunakan kulit haiwan halal yang dijadikan sebagai alatan *wudhū'* atau alatan mandian.<sup>94</sup> Mazhab Hanbali<sup>95</sup> dan mazhab Maliki<sup>96</sup> menyatakan kulit haiwan yang telah disamak adalah suci kecuali kulit anjing dan kulit babi.<sup>97</sup> Kulit haiwan boleh digunakan sebagai alatan sembahyang.<sup>98</sup> Pendapat daripada Imam Ahmad pula, kesucian kulit bangkai haiwan bergantung kepada jenis haiwan yang digunakan.<sup>99</sup> Walaupun begitu, Islam tidak mengharuskan pembelian dan penjualan kulit haiwan sebelum disamak kerana dilabelkan sebagai najis.<sup>100</sup>

ii. **Golongan kedua:** Fuqaha yang mengharamkan dan perbahasannya

Manakala, fuqaha yang mengharamkan penggunaan bejana kulit haiwan adalah mazhab Hanbali. Mazhab Hanbali<sup>101</sup> menyatakan kulit haiwan sekalipun telah disamak tetap najis.<sup>102</sup> Selain itu, Abū Qāsim menegaskan hukum setiap kulit yang disamak atau tidak disamak tetap dianggap sebagai najis. Selain itu, tulang, kuku dan tanduk juga

<sup>93</sup> Muḥammad Amin b. `Umar b. `Ābidīn (1966), *Ḥāshiyat Radd al-Mukhtār `alā al-Dūr al-Mukhtār: Sharḥ Tanwīr al-Abṣār fī Fiqh Madhhab al-Imām Abī Ḥanīfah al-Nu`mān*, j.1, c.2. Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 204-205. Lihat juga, Ibn Qudāmah (1992), *op.cit*, h. 89.

<sup>94</sup> Ibn Qudāmah (1972), *op. cit*, h. 55.

<sup>95</sup> Shaykh Maṣṣūr b. Yūnus b. Idrīs al-Buhūtī (2002), *al-Rawḍ al-Murbi` bi Sharḥ Zād al-Mustaḥḥi` Mukhtaṣar al-Muḥḥi` fī Fiqh Imām al-Sunnah Aḥmad Ibn Ḥanbal*. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 16.

<sup>96</sup> Abū `Umar Yusūf b. `Abd Allāh b. Muḥammad b. `Abd al-Barr (2001), *al-Tamhīd limā fī al-Muwaṭṭā` min al-Ma`ānī wa al-Asānīd*. j.10, c. 2. (T.P): al-Fārūq al-Ḥadīthah, h. 367.

<sup>97</sup> Ibn Qudāmah (1992), *op. cit*, h. 89.

<sup>98</sup> Wizārah al-Awqāt wa al-Āsiyyūn (2006), *op. cit*, h. 120-121.

<sup>99</sup> al-Buhūtī (2002), *op. cit*, h. 17.

<sup>100</sup> Ibn Qudāmah (1972), *op. cit*, h. 57.

<sup>101</sup> al-Buhūtī (2005), *op. cit*, h. 34.

<sup>102</sup> Wizārah al-Awqāt wa al-Āsiyyūn (2006), *op. cit*, h. 120-121.

najis serta dikategorikan sebagai bangkai haiwan.<sup>103</sup> Firman Allah SWT di dalam surah al-Māidah:<sup>104</sup>

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنزِيرِ

Maksudnya: *Diharamkan ke atas kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya).*

Surah al-Māidah (5): 3

Berdasarkan ayat di atas, haram menggunakan keseluruhan bahagian bangkai haiwan. Lafaz *maytah* adalah lafaz *mufrad* dan *sighah alif lam* menunjukkan lafaz umum.<sup>105</sup> Oleh yang demikian, pengharamannya tidak hanya dikhususkan terhadap daging bangkai bahkan termasuk keseluruhan bahagian bangkai haiwan tersebut. Justeru, tidak harus menggunakan kulit haiwan kerana kulit haiwan sebahagian daripada bangkai.

#### 3.4.2.4 Bejana Tulang

Antara kategori-kategori bejana dalam Islam, terdapat bejana yang diperbuat daripada tulang haiwan. Bejana ini dikenali sebagai bejana tulang. Hukum penggunaan bejana tulang yang diambil daripada tulang haiwan halal dan disembelih mengikut hukum syarak adalah diharuskan.<sup>106</sup> *Yūsuf al-Qarāḍawī* menyatakan tulang, kulit dan bulu

<sup>103</sup> Ibn Qudāmah (1972), *op. cit*, h. 55.

<sup>104</sup> Ibn Ibrāhīm (t.t), *op. cit*, h. 24.

<sup>105</sup> al-Nakhlah (2006), *op. cit*, h. 70.

<sup>106</sup> Wizārah al-Awqāt wa al-Āsiyyūn (2006), *op. cit*, h. 121-122.

daripada haiwan yang halal dimakan adalah suci.<sup>107</sup> Demikian juga, mazhab Syafii<sup>108</sup> mengharuskan penggunaan tulang jika diambil daripada haiwan yang disembelih mengikut hukum syarak termasuk kuku, tanduk, tulang dan gigi.

Walaupun begitu, ulama berbeza pandangan terhadap bejana yang diambil daripada tulang haiwan haram. Imam Syafii<sup>109</sup> dan mazhab Hanbali<sup>110</sup> menyatakan penggunaan tulang gajah tidak diharuskan oleh syarak. Manakala, sesetengah ulama mazhab Hanbali berpendapat tulang bangkai adalah najis sama ada daripada bangkai haiwan yang halal dimakan atau sebaliknya. Tulang haiwan tidak akan suci dalam semua keadaan sekalipun. Mereka bersandarkan firman Allah SWT di dalam surah al-Māidah seperti berikut:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أَلْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ

Maksudnya: *Diharamkan ke atas kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya).*

Surah al-Māidah (5): 3

Tulang dikategorikan sebagai sebahagian daripada bangkai. Justeru, penggunaan bahagian-bahagian bangkai haiwan adalah diharamkan oleh syarak termasuk tulang gajah.<sup>111</sup> Maka, penggunaannya tidak diharuskan. Oleh itu, hukum penggunaan tulang,

---

<sup>107</sup> Yusuf al-Qaradhawi (1998), *The Lawful And Prohibited In Islam*. Abbas Jawad Safi (terj), (T.P): Islamic Culture & Relations Organization (ICRO), h. 68.

<sup>108</sup> Abū Zakariyya Muḥy al-Dīn Ibn Sharaf al-Nawāwī (t.t), *al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab*. al-Qāhirah: Maṭba'ah al-Āṣimah, h. 302.

<sup>109</sup> *Ibid.*, h. 303.

<sup>110</sup> Ibn `Abd al-Barr (2001), *op. cit*, h. 367.

<sup>111</sup> Ibn Qudāmah (1992), *op. cit*, h. 97-98.

kuku, dan tanduk haiwan adalah najis seperti hukum daging bangkai.<sup>112</sup> Berdasarkan perbincangan ulama-ulama di atas, hujah golongan kedua lebih berhati-hati dalam menetapkan hukum.

Setelah memperincikan perbincangan mengenai konsep sembelihan dan konsep bejana di atas, penulis memfokuskan perbincangan terhadap asas-asas metodologi yang digunakan dalam mentakhsiskan hukum penggunaan *bone china*. Ketiga-tiga konsep ini perlu digabungkan agar analisis hukum *bone china* dapat dilakukan secara teliti dan terperinci.

### **3.5 Asas-asas Metodologi Hukum *Bone China***

Di Malaysia, penggunaan alatan pinggan mangkuk *bone china* masih lagi diragui kerana terdapat kekeliruan terhadap kandungan bahan yang digunakan di dalam proses pembuatannya. Berdasarkan kajian penulis, JAKIM hanya mengeluarkan garis panduan terhadap penggunaan tulang, tanduk, gigi dan kuku untuk dijadikan barangan kegunaan dan perhiasan. JAKIM belum merumuskan satu fatwa yang khusus terhadap penggunaan *bone china*. Oleh yang demikian, di dalam skop kajian ini pengkaji akan menganalisis beberapa kaedah penentuan hukum *bone china* dari perspektif fiqh berdasarkan dalil-dalil syarak yang berkaitan. Penelitian secara terperinci terhadap pandangan-pandangan fuqaha akan dibincangkan di dalam bab keempat.

---

<sup>112</sup> Ibrāhīm (t.t), *op. cit*, h. 24.

### 3.5.1 Landasan Hukum Dari Sumber-Sumber Utama Syarak

Al-Quran, sunnah, ijmak dan *qiyās* merupakan sumber rujukan utama dalam sumber perundangan Islam. Dalam skop perbincangan mengenai hukum *bone china*, penulis memfokuskan sumber-sumber rujukan utama seperti berikut:

#### 3.5.1.1 Al-Quran

Islam amat mengambil berat terhadap kebersihan dan kesucian demi menjaga kesyumulan agama Islam. Perintah Allah SWT di dalam al-Quran, sentiasa menyeru umatNya agar mementingkan perkara yang halal dan melarang sesuatu yang keji dan haram.<sup>113</sup>

##### i. Pemakanan yang halal dan baik

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنَّ  
كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Maksudnya: *Oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan oleh Allah SWT kepada kamu dari benda-benda yang halal bagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah SWT, jika benar kamu hanya menyembah akan Dia semata-mata.*

Surah al-Naḥl (16): 114

---

<sup>113</sup> Lokman Ab. Rahman (2009), *Isu Halal Tiada Penghujung*. Melaka: Alambaca Sdn. Bhd., h. 23-24.

FirmanNya lagi:

يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا  
خُطُوتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Maksudnya: *Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.*

Surah al-Baqarah (2): 168

Dalam tafsiran Ibn Kathīr di dalam *Tafsīr al-Qurān al-Aẓīm al-Ma`rūf bi Tafsīr Ibn Kathīr* menyatakan bahawa Allah SWT memberikan rezeki kepada seluruh umat manusia. Allah SWT mengharuskan pengambilan makanan yang halal lagi baik untuk penjagaan akal dan tubuh badan manusia.<sup>114</sup> Islam juga menghalalkan haiwan laut sebagai sumber makanan kepada manusia. Hal ini jelas dinyatakan dalam al-Quran:

أُحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَتَعًا لَكُمْ وَلِلسَّيَّارَةِ وَحُرْمَ  
عَلَيْكُمْ صَيْدُ الْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرْمًا ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ  
تُحْشَرُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya; *Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut, dan makanan yang didapati dari laut, sebagai bekalan bagi kamu (untuk dinikmati kelazatannya) dan juga bagi orang-orang yang dalam pelayaran; tetapi diharamkan ke atas kamu memburu binatang buruan darat selama kamu sedang berihram. Oleh itu, bertaqwalah kepada Allah SWT, yang kepadanya kamu akan dihimpunkan.*

Surah al-Māidah 5: 96

<sup>114</sup> Ibn Kathīr (2004), j.1, *op.cit.*, h. 1599.



Dalam membahaskan ayat ini, Ibn Kathīr meriwayatkan beberapa pandangan antaranya pandangan daripada Ibn `Abbās, Sa`īd b. Musayyib dan Sa`īd b. Jubair. Mereka mentafsirkan, haiwan-haiwan yang hidup di dalam air sama ada yang ditangkap dalam keadaan masih hidup atau sudah mati, halal untuk dimakan.<sup>115</sup> Selain itu, firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةً ۖ نُسْقِيكُمْ مِمَّا فِي بُطُونِهِۦ مِنْ بَيْنِ  
فَرْثٍ وَدَمٍ لَبَنًا خَالِصًا سَائِغًا لِلشَّارِبِينَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: *Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar, Kami beri kepada kamu daripada apa yang bersih dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah; (iaitu) susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang yang sedap meminumnya.*

Surah al-Nahl (16): 66

Dalam *Tafsīr al-Qurān al-Azīm al-Ma`rūf bi Tafsīr Ibn Kathīr* menjelaskan, bahawa haiwan ternakan seperti unta, lembu, dan biri-biri, terdapat di dalam perutnya susu yang terhasil diantara tahi dan darah sebagai minuman kepada manusia.<sup>116</sup> Islam juga menerangkan hukum yang berkaitan sembelihan ke atas haiwan ternakan. Beberapa syarat utama wajib dipenuhi, firman Allah SWT di dalam al-Quran:

الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ ۗ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ  
لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ ۗ ﴿٥﴾

<sup>115</sup> *Ibid.*, j. 2, h. 964.

<sup>116</sup> *Ibid.*, j.3, h. 1579.

Maksudnya: *Pada masa ini dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang lazat-lazat serta baik-baik. Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang telah diberikan kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah untuk kamu memberi makan kepada mereka).*

Surah al-Māidah (5): 5

Berdasarkan ayat al-Quran ini, Ibn Kathīr meriwayatkan beberapa pandangan daripada Ibn `Abbās, Abū Umāmah, Mujāhid, Sa`īd b. Jubair, `Ikramah, `Aṭā`, Ḥussin, Makḥūl, Ibrāhīm al-Nakha`ī serta Muqātil b. Ḥayyan berkaitan syarat-syarat utama sembelihan dalam Islam. Antaranya mereka menyatakan, halal sembelihan haiwan ternakan oleh orang Yahudi dan Nasrani ke atas orang Islam.<sup>117</sup> Allah SWT juga dalam firmanNya:

وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu memakan haiwan yang tidak disebut nama Allah SWT semasa menyembelihnya kerana ia termasuk perbuatan fasiq.*

Surah al-An`ām (6): 121

Sepertimana yang diketahui, sembelihan haiwan termasuk dalam aspek ibadah. Ayat surah al-An`ām ini telah ditafsirkan oleh Ibn Kathīr iaitu, wajib menyebut nama Allah SWT semasa melakukan sembelihan haiwan. Ini kerana, sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah SWT diumpamakan seperti sembelihan orang-orang kafir dan sembelihan ke atas berhala-berhala.<sup>118</sup>

---

<sup>117</sup> *Ibid.*, h. 851.

<sup>118</sup> *Ibid.*, h. 1056.

## ii. Pengharaman Babi Melalui Nas

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ  
لِغَيْرِ اللَّهِ ۖ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ  
غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah SWT hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah SWT; maka sesiapa yang terpaksa (memakan kerana darurat) sedang ia tidak menginginkan dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah SWT amat pengampun, lagi amat mengasihani.*

Surah al-Baqarah (2): 173

Berdasarkan ayat di atas, Abū Muḥammad `Abd al-Ḥaq mengulas ayat ini di dalam kitab *al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-`Azīz* iaitu lafaz ‘*al-maytah*’ bermaksud haiwan-haiwan yang mati tanpa sembelihan dan tidak mengalirkan darah.<sup>119</sup> Manakala, lafaz ‘*al-dam*’ bermaksud darah yang mengalir dikecualikan darah yang bercampur dengan daging. Lafaz ‘*lahm al-khinzīr*’ dikhususkan ke atas daging babi dan lemak babi sama ada yang telah disembelih atau tidak disembelih. Imam Abū Malik berkata, ditegah memanfaatkannya anjing laut (*khinzīr al-mā*’).<sup>120</sup> Begitu juga, lafaz ‘*mā uḥilla liḡhairillāh*’ menurut Ibn `Abbās dan beberapa pandangan fuqaha adalah haiwan yang disembelih dengan nama berhala dan *wathanī*.<sup>121</sup> Firman Allah SWT di dalam al-Naḥl ayat ke 115:

<sup>119</sup> Abū Muḥammad `Abd al-Ḥaq b. Ghālib b. `Atīyah (2001), *al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-`Azīz*. j.1, (T.P): Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 239.

<sup>120</sup> *Ibid.*, h. 240.

<sup>121</sup> *Ibid.*, h. 234.

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ  
 اللَّهِ بِهِ <sup>ط</sup> فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ

رَحِيمٌ ﴿١١٥﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah SWT hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang yang disembelih tidak kerana Allah SWT; maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkan dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu, maka tidaklah ia berdosa); sesungguhnya Allah SWT amat ppengampun, lagi amat mengasihani.*

Surah al-Naḥl (16): 115

Menurut tafsiran Abū Muḥammad `Abd al-Ḥaqq di dalam kitabnya, maksud ayat ‘*lahm al-khinzīr*’ adalah pengharaman terhadap lemak dan anggota-anggota badan babi yang lain. Sebaliknya, hukum penggunaan bulu babi adalah *mubāḥ*. Selain itu, penggunaan kulit babi juga harus setelah ia disamak.<sup>122</sup> Allah SWT berfirman di dalam surah al-Māidah ayat ke 3:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ  
 بِهِ <sup>ط</sup> وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ  
 السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا  
 بِالْأَزْلَمِ <sup>ج</sup> ذَٰلِكُمْ فِسْقٌ <sup>ط</sup> الْيَوْمَ يَبْسُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا  
 تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنَ <sup>ج</sup> الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ

<sup>122</sup> *Ibid.*, h. 438.

نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا ۚ فَمَنْ أَضْطُرَّ فِي مَخْصَصَةٍ غَيْرِ

مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣﴾

Maksudnya: *Diharamkan ke atas kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah SWT, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan oleh binatang luas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu menengok nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasiq. Pada hari ini, orang-orang kafir telah berputus asa (daripada memesongkan kamu) dari agama kamu (setelah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepadaKu. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redha akan Islam itu menjadi agama untuk kamu. Maka, sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah SWT amat pengampun, lagi amat mengasihani.*

Surah al-Māidah (5): 3

Tafsiran Abū `Abd Allāh Muḥammad b. Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī di dalam *al-Jamī` li Ahkām al-Qurān*, pengharaman daging babi di dalam ayat di atas bukan hanya larangan atau pengharaman menyentuh dan memakan dagingnya. Bahkan, ia mencakupi keseluruhan anggota badan babi seperti lemak, tulang, urat dan organ-organ lain. Perkara ini difahami melalui penggunaan di dalam bahasa Arab atau kebiasaan yang difahami oleh orang Arab. Selain itu, Allah SWT juga mengharamkan daging haiwan yang disembelih selain menyebut namaNya. Oleh itu, penyembelihan haiwan

yang menyebut nama patung, *taghut*, berhala dan sebagainya adalah haram menurut ijmak.<sup>123</sup>

Selain itu, haiwan-haiwan yang mati dalam keadaan ‘*al-munkhaniqah*’ iaitu haiwan yang mati dalam keadaan tercekik, ‘*al-mawqūdḥah*’ adalah haiwan yang dipukul dengan sesuatu ke atasnya sehingga mati, ‘*al-mutaraddiyah*’ adalah haiwan yang terjatuh dari tempat tinggi lalu mati, ‘*al-naṭīḥah*’ adalah haiwan yang mati ditanduk oleh haiwan. Manakala, ‘*wa mā akala al-sibā*’ pula merupakan haiwan yang mati akibat diterkam oleh binatang buas seperti singa, harimau, serigala, anjing dan sebagainya.<sup>124</sup> ‘*wa mā dhubiḥa `alā nuṣub*’ adalah haiwan yang disembelih ke atas nama berhala-berhala.<sup>125</sup> Oleh itu, haiwan-haiwan yang mati dalam enam keadaan di atas adalah haram secara *qaṭ’ī*.<sup>126</sup>

Firman Allah SWT di dalam al-An’ām ayat ke 145:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ  
يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَّسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ

<sup>123</sup> Abū `Abd Allāh Muḥammad b. Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī (1993), *al-Jamī` li al-Aḥkām al-Qurān*. j.3, c.5-6. Lubnān: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 33-34.

<sup>124</sup> *Illa mā dhakkaytum*; kecuali yang sempat kamu sembelih-`Alī b. Abī Ṭalḥah mengatakan dari Ibn `Abbās, kecuali haiwan yang sempat kamu sembelih sedangkan ia masih dalam keadaan hidup. Oleh itu, harus untuk memakannya kerana ia termasuk daripada binatang yang disembelih. Hal ini juga dipersetujui oleh Sa`īd b. Jubair, Ḥassan Baṣrī dan al-Suddī.

<sup>125</sup> Muḥāhid dan Ibn Juraij berkata; Berhala adalah batu yang berada di sekitar Kaabah. Ibn Juraij menambah; Berhala tersebut mengandungi 360 patung berhala, bangsa Jahiliyyah menyembelih haiwan berhampiran dengan berhala dan melumuri Kaabah dengan darah haiwan sembelihan tersebut. Mereka memotong-memotong daging haiwan tersebut dan meletakkannya di hadapan berhala-berhala. Kemudian, Allah SWT melarang orang-orang mukmin melakukan perbuatan tersebut sekalipun penyembelihannya itu dengan nama Allah SWT. Penyembelihan haiwan terhadap berhala merupakan salah satu bentuk kemusrikan yang diharamkan oleh Allah SWT dan RasulNya.

<sup>126</sup> Ibn Kathīr (2004), *op.cit.*, h. 12-16.

<sup>126</sup> Sa`īd al-Quṭub (1976), *fī Zīl al-Qurān*. j.2, c.5-7. al-Qāhirah: Dār al-Shurūq, h. 840.

أَوْ فَسَقًا أَهْلًا لِيُغَيِّرَ اللَّهُ بِهِ ۚ فَمَنْ أَضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ

رَبِّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٤٥﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): " Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, suatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakan melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi- kerana sesungguhnya ia adalah kotor - atau sesuatu (yang dilakukan secara) fasiq, iaitu binatang yang telah disembelih atas nama yang lain dari Allah SWT. Kemudian, siapa yang terpaksa (memakan kerana darurat) sedangkan ia tidak menginginkan dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu amat pengampun lagi amat mengasihani.*

Surah al-An'ām (6): 145

Tafsiran al-Qurṭubī berdasarkan rangkai kata *'qul lā ajidu fīmā ūḥiya ilayya muḥarram'* bermaksud, 'Katakanlah wahai Muhammad SAW, tidak Aku dapati apa yang diwahyukan kepadamu ke atas sesuatu perkara itu haram kecuali perkara ini'. Perkara yang ingin dijelaskan oleh ayat ini, Allah SWT mengharamkan manusia memakan bangkai, darah yang mengalir, daging babi dan sembelihan yang tidak disebutkan nama Allah SWT kecuali diambil dalam keadaan darurat sehingga mengancam nyawa manusia.<sup>127</sup> Pandangan al-Zuhrī daripada `Abīd Allāh b. `Abd Allāh b. `Abbās, beliau menyatakan, "Sesungguhnya diharamkan memakan bangkai adalah dagingnya. Manakala, kulit, telinga, tulang, bulu dan rambut adalah halal".<sup>128</sup> Ibn `Abbās dan Abū Dardā' menyatakan, "Setiap perkara yang dihalalkan oleh Allah SWT untuk mengambilnya adalah halal, setiap perkara yang diharamkan oleh Allah SWT

<sup>127</sup> al-Qurṭubī (1993), *op.cit*, h. 115.

<sup>128</sup> *Ibid.*, h. 120.

untuk mengambilnya adalah haram serta setiap perkara yang didiamkan oleh syarak maka ia dimaafkan”.<sup>129</sup>

Menurut tafsiran Ibn Kathīr, lafaz ‘*daman masfūhā*’ memberi maksud darah yang mengalir. Pandangan ini juga dipersetujui oleh Ibn al-`Abbās. Manakala, Qatādah menyatakan bahawa hukum darah yang mengalir adalah haram dan hukum bagi darah yang bercampur dengan daging adalah halal.<sup>130</sup> Tafsiran daripada al-Rāzī pula, ayat ini mengandungi empat perkara yang utama iaitu bangkai, darah yang mengalir, daging babi dan fasiq. Menurut beliau, ayat ini menjelaskan Allah SWT menghalalkan semua perkara kecuali empat perkara tersebut. Selain itu, tafsiran daripada firman Allah SWT: ‘*aw laḥm al-khinzīr fainnahū rijsun*’ adalah jelas menunjukkan bahawa Allah SWT mengharamkan babi kerana ia najis,<sup>131</sup> dosa<sup>132</sup> dan dalil ke atas najis babi.<sup>133</sup>

### iii. Pengharusan Lembu Berpandukan Nas

Firman Allah SWT adalah seperti berikut:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَوْفُوْا بِالْعُقُوْدِ ۗ اٰحَلَّتْ لَكُمْ بَيْمٰتُ  
الْاَنْعٰمِ اِلَّا مَا يُتْلٰى عَلَيْكُمْ غَيْرِ مُحِلِّي الصَّيْدِ وَاَنْتُمْ حُرْمٌ ۗ اِنَّ  
اللّٰهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيْدُ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihalalkan bagi kamu*

<sup>129</sup> *Ibid.*, h. 121.

<sup>130</sup> Ibn Kathīr (2004), *op.cit*, h. 116.

<sup>131</sup> Muḥammad al-Rāzī Fakr al-Dīn (1994), *Tafsīr Fakr al-Rāzī*. j.13, Lubnān: Dār al-Fikr, h. 231.

<sup>132</sup> Muhammad Mazhar Hussaini dan Ahmad Hussien Sakr (t.t.), *Islamic Dietary Law and Practices*. Chicago: The Islamic Food and Nutrition Council of America, h.19.

<sup>133</sup> Shaykh `Abd al-Raḥmān al-Za`abi (1987), *Aḥkām al-`Ibādat*. c. 4, Damsyiq: Dār al-Fiqh, h. 62.



(makanan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Dihalalkan binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula berarti kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah SWT menetapkan apa yang ia kehendaki.

Surah al-Māidah (5):1

Berdasarkan ayat di atas, al-Ḥasan, Qatādah dan beberapa pandangan lain menjelaskan maksud *al-an'ām* sebagai binatang ternakan terdiri daripada unta, lembu dan kambing. Ibn Jarīr mengatakan, pandangan ini mempunyai persamaan dengan makanan dalam kalangan masyarakat Arab. Manakala, Ibn `Umar dan Ibn `Abbās menggunakan ayat ini sebagai dalil bagi menjelaskan hadis Rasulullah SAW berkaitan dengan pengharusan memakan janin yang terdapat di dalam kandungan lembu betina yang mati dengan sembelihan.<sup>134</sup> Pandangan al-Ṭabarī pula, *al-an'ām* adalah binatang ternakan seperti keldai, lembu, rusa, binatang buas dan sebagainya. Selain itu, penjelasan tafsiran daripada Abū Muḥammad `Abd al-Ḥaq ayat ini mewajibkan manusia beriman dengan semua yang diciptakan oleh Allah SWT dengan penuh keimanan terhadapNya serta menolak amalan dan perbuatan bangsa Arab yang menjadikan binatang ternakan sebagai persembahan kepada berhala-berhala seperti *al-sābah*, *al-bahīrah*, *al-hām* dan sebagainya.<sup>135</sup> Firman Allah SWT:

ثَمَنِيَّةَ أَزْوَاجٍ مِّنَ الضَّأْنِ اثْنَيْنِ وَمِنَ الْمَعْزِ اثْنَيْنِ قُلْ  
ءَالذَّكَرَيْنِ حَرَّمَ أَمِ الْأُنثَيَيْنِ أَمَّا اشْتَمَلَتْ عَلَيْهِ أَرْحَامُ  
الْأُنثَيَيْنِ نَبِّئُونِي بِعِلْمٍ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٤٣﴾

<sup>134</sup> Ibn Kathīr (2004), *op.cit*, h. 829.

<sup>135</sup> Ibn `Atiyyah (2001), *op.cit*, h. 144.

Maksudnya: (Binatang ternak itu) delapan ekor- (empat) pasangan, dari kambing biri-biri dua ekor (sepasang jantan betina). Tanyalah (wahai Muhammad kepada orang-orang musyrik itu): “Adakah yang diharamkan Allah SWT itu, dua jantan atau dua betinanya, atau yang dikandung oleh rahim dua betinanya?” terangkanlah kepada Aku dengan (berdasarkan) ilmu pengetahuan (syarak dari Allah SWT yang menjadi dalil tentang haramnya), jika betul kamu orang-orang yang benar.

Surah al-An’ām (6): 143

Dalam tafsiran Ibn Kathīr, ayat ini menjelaskan tentang kejahilan bangsa Arab yang mengharamkan binatang ternakan (*al-an’ām*) dan menjadikan bagian-bagian anggota badan binatang ternakan untuk acara sembah ke atas berhala seperti *al-buhirah*, *al-sābah*, *al-wasīlah* dan *hāmān*. Selain itu, Allah SWT menjelaskan bahwa Dia menjadikan tanam-tanaman dan tumbuh-tumbuhan di bumi adalah untuk manusia mengambil manfaat daripadanya. Bahkan Allah SWT telah menciptakan binatang ternakan secara berpasang-pasangan (jantan dan betina) untuk manusia mengambil manfaat daripadanya seperti daging, susu dan sebagainya.<sup>136</sup> FirmanNya lagi:

وَالَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلَّهَا وَجَعَلَ لَكُم مِّنَ الْفُلْكِ وَالْأَنْعَامِ مَا



تَرْكَبُونَ ﴿١٢﴾

Maksudnya: Dan (Dialah) yang menurunkan air (hujan) dari langit menurut sukatan yang tertentu, lalu kami hidupkan dengannya dengan negeri yang kering tanahnya. Sedemikian itulah pula kamu akan dikeluarkan (hidup semula daripada kubur).

Surah al-Zukhruf (43): 12

<sup>136</sup> Ibn Kathīr (2004), *op.cit.*, h. 1073.

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT memberikan kemudahan ke atas manusia untuk memanfaatkan haiwan ternakan (*al-an'ām*) untuk dijadikan sebagai sumber makanan daripada dagingnya, meminum susunya serta menjadikan haiwan sebagai binatang tunggangan.<sup>137</sup> Firman Allah SWT lagi:

139  مَتَاعًا لَكُمْ وَلِأَنْعَامِكُمْ 138  مَتَاعًا لَكُمْ وَلِأَنْعَامِكُمْ

Maksudnya: (Semuanya itu) untuk kegunaan kamu dan binatang-binatang ternak kamu.

Surah al-Nāzi'āt (79): 33, Surah `Abasa (80): 32

Tafsiran bagi kedua-dua ayat di atas adalah Allah SWT mencipta alam semesta dengan pelbagai tumbuh-tumbuhan yang menghijau dan tanam-tanaman yang menghasilkan buah-buahan serta sungai-sungai yang mengalir untuk kenikmatan umat manusia. Begitu juga, Allah SWT menghidupkan binatang ternakan untuk dijadikan binatang tunggangan serta daging dan susunya sebagai memenuhi makanan keperluan ahli keluarga.<sup>140</sup> Dijelaskan juga bahawa binatang-binatang ternakan ini akan terus hidup di dunia sehingga ke hari akhirat agar manusia sentiasa mengambil pelbagai manfaatnya.<sup>141</sup>

### 3.5.1.2 Sunnah

Sunnah merupakan sumber perundangan kedua dalam Islam. Sunnah merupakan sumber yang diiktiraf oleh syarak selepas sumber pertama iaitu al-Quran. Sunnah juga

<sup>137</sup> *Ibid.*, h. 3533.

<sup>138</sup> Surah al-Nāzi'āt (79):33.

<sup>139</sup> Surah `Abasa (80): 32.

<sup>140</sup> Ibn Kathīr (2004), *op.cit*, h. 2981.

<sup>141</sup> *Ibid.*, h. 2986.

berperanan untuk memberikan penegasan terhadap hukum yang telah diputuskan dalam al-Quran bagi menunjukkan pengharamannya yang *qat'ī* dan sumber yang diiktiraf oleh syarak.

### i. Hadis Penyamakan Kulit

Sabda Rasulullah SAW: <sup>142</sup>

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِشَاةٍ مَيْتَةٍ فَقَالَ " هَلَّا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهَايَهَا " . قَالُوا إِنَّهَا مَيْتَةٌ. قَالَ " إِنَّمَا حَرَّمَ أَكْلُهَا " .

Maksudnya: “*Sesungguhnya Rasulullah SAW telah terlihat bangkai seekor kambing. Lalu Baginda bersabda: Mengapa kamu tidak memanfaatkan kulitnya? Mereka menjawab: Sesungguhnya kambing tersebut adalah bangkai. Baginda pun bersabda: Sesungguhnya apa yang diharamkan adalah memakannya.*

(Riwayat Bukhari)

Sabda Rasulullah SAW lagi: <sup>143</sup>

عن عبد الله بن عباس قال: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِذَا ذُبِحَ الْإِهَابُ فَقَدْ طَهَّرَ.

Maksudnya: *Daripada Abdullah b. Abbas, beliau berkata: “Aku telah mendengar Rasulullah SWT bersabda, “Apabila kulit bangkai telah disamak, maka ia telah suci.”*

(Riwayat Muslim)

Secara umumnya, syariat Islam menghalalkan setiap perkara yang halal dan baik serta mengharamkan setiap perkara yang buruk dan memudaratkan. Islam juga menggalakkan manusia agar mengambil manfaat terhadap perkara yang boleh

<sup>142</sup> Abū `Abd Allāh Muḥammad b. Ismā`īl Ibn Ibrāhīm b. al-Mughīrah b. Bazdizbah al-Bukhārī (t.t), *Ṣaḥīḥ Bukhārī*. al-Qāhirah: Dār al-Hadīth, No. h: 5589 dlm. Bāb Julūd al-Mayyitah, h. 126.

<sup>143</sup> Abū al-Ḥusayn Muslim b. al-Hujjāj al-Qushairī al-Naysābūrī (1955), *Ṣaḥīḥ Muslim*. (T.P): Dār Ihyā' al-Kutub al-`Arabiyyah, No. h: 105. Bab Ṭahārah Julūd al-Mayyitah fī al-Dibāgh, h. 277.

dimanfaatkan. Tetapi, ini tidak bermaksud haram memakan sesuatu yang ditegah oleh syarak, maka haram juga memanfaatkannya. Kedua-dua hadis di atas mengharamkan pengambilan daging (bangkai) dengan tujuan memelihara kesihatan manusia. Kulit bangkai pula harus dimanfaatkan serta digalakkan oleh syarak. Hal ini berdasarkan pertuturan Baginda yang telah melihat seekor bangkai kambing berhampiran dengan rumah isteri Baginda, Maimunah. Baginda keluar dan bersabda: “Apakah itu?” Mereka berkata: “Seekor kambing yang telah diberikan oleh isterimu, Maimunah! Ia telah mati dan kami melemparkannya.” Baginda bersabda: “Adalah lebih baik sekiranya kamu mengambil kulitnya, lalu menyamak kulitnya untuk dimanfaatkan.” Mereka berkata: “Sesungguhnya, ia adalah bangkai dan bukankah Allah SWT mengharamkan ke atasnya?” Baginda bersabda lagi: “Sesungguhnya, diharamkan ke atas kamu memakan bangkai dan tidak diharamkan mengambil manfaat daripada kulitnya setelah disamak.”<sup>144</sup> Hal ini membuktikan bahawa penyamakan terhadap kulit bangkai haiwan adalah diharuskan bagi membersihkan dan menghindarkannya daripada berlaku sebarang kerosakan.

## ii. Hadis Pengharaman Penggunaan Bejana Emas dan Perak

Sabda Rasulullah SAW: <sup>145</sup>

قَالَ خَرَجْنَا مَعَ خَدِيفَةَ وَذَكَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " لَا تَشْرَبُوا فِي آيَةِ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ، وَلَا تَلْبَسُوا الْحَرِيرَ وَالْدِّيْبَاجَ، فَإِنَّهَا لَهُمْ فِي الدُّنْيَا وَلَكُمْ فِي الْآخِرَةِ "

Maksudnya: *Daripada Khuzaiifah RA, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: Janganlah kamu minum dalam bejana emas dan perak, jangan*

<sup>144</sup> *Ibid.*, No. h: 101, h. 276-277.

<sup>145</sup> al-Bukhārī (t.t), *op.cit*, No. h.: 5693 dlm. Bab Āniyah al-Fiḍḍah, h. 148.

*kamu memakai sutera dan kerana emas dan perak unuk orang kafir di dunia dan untuk kamu di akhirat.*

(Riwayat Bukhari)

Sabda Rasulullah SAW lagi: <sup>146</sup>

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ، زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " الَّذِي يَشْرَبُ فِي إِنَاءِ الْفِضَّةِ إِنَّمَا يُجْرِبُ فِي بَطْنِهِ نَارَ جَهَنَّمَ "

Maksudnya: *Daripada Ummu Salamah RA, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Orang yang minum di dalam bejana perak, maka api neraka jahannam yang menggelegak di dalam perutnya".*

(Riwayat Bukhari)

Hadis di atas menjelaskan hukum pengharaman menggunakan emas dan perak sebagai peralatan makanan dan minuman. Tegahan ini mencakupi semua mukallaf sama ada lelaki dan perempuan. Tegahan ini juga merangkumi tempat penyimpanan peralatan seperti peralatan wangian-wangian, celak serta seumpamanya. Penggunaannya diharamkan oleh jumhur salafi. Sebaliknya, sesetengah ulama pula mengharuskannya. Pandangan ini merupakan pandangan minoriti dan diragui (*syādh*) kerana terdapat banyak hadis sahih yang menjelaskan perkara ini.<sup>147</sup> Penggunaan emas dan perak sebagai perhiasan wanita adalah diharuskan oleh syarak.<sup>148</sup>

Ulama berbeza pandangan di dalam `illah tegahan. Pengharaman emas dan perak merujuk kepada `ain kedua-duanya. Illah pengharamannya adalah nilai harga emas dan perak sangat mahal, risiko kerosakan yang tinggi (mudah pecah) dan penggunaan bejana emas dan perak hanya akan tertumpu kepada golongan kaya. Ḥassan

<sup>146</sup> *Ibid.*, No. h.: 5694.

<sup>147</sup> Abī al-`Abbās Aḥmad b. `Umar b. Ibrāhīm al-Qurṭubī (1999), *al-Mufhīm limā Ashkala min Takhrīj Kitāb Muslim*. j.5, c.2. Damsyiq: Dār Ibn Kathīr, h. 345-346.

<sup>148</sup> al-Naysābūrī (1999), *op.cit*, h. 384.

al-Ghazalī menyatakan: “Hukum kedua-dua perkara ini terbina bagi mewujudkan keadilan sesama manusia untuk bersama-sama *taṣarruf* di dalam sesebuah masyarakat”. Selain itu, pengharamannya juga disebabkan kemuliaan (*al-ṣarf*) dan diumpamakan seperti bangsa Parsi.<sup>149</sup>

Ulama telah mengharamkan penggunaannya sebagai peralatan makanan dan minuman. Namun demikian, pengambilan bejana emas dan perak yang bertujuan sebagai perhiasan ulama terbahagi kepada dua pandangan. Pandangan pertama menyatakan, tidak mengharuskannya, manakala pandangan kedua, mengharuskan tanpa menggunakannya. Manakala, hukum penyaduran emas atau perak di permukaan bejana ulama terbahagi kepada dua pandangan. Pertama, jumhur menegah penggunaannya (*karāhah isti'māluhā*) dan kedua, Abu Hanifah, Ahmad dan Ishak mengharuskannya kerana penyaduran emas dan perak hanya di permukaan bejana.<sup>150</sup>

### 3.5.1.3 Ijmak

Antara ijmak yang mempunyai hubungkait dalam penentuan hukum penggunaan *bone china* adalah seperti berikut:

- i. Haiwan darat yang mubah<sup>151</sup>

Haiwan-haiwan darat termasuk burung boleh dimakan kecuali haiwan yang bertaring, burung yang memiliki cakar dan pemakan bangkai seperti haiwan buas, burung gagak

---

<sup>149</sup> *Ibid.*

<sup>150</sup> *Ibid.*

<sup>151</sup> Abū Jayb (1999), *op.cit*, h. 119.

dan sebagainya. Haram memakan haiwan yang telah disetubuhi oleh manusia dan haiwan yang diburu oleh orang yang sedang berihram.

ii. Haiwan laut yang mubah<sup>152</sup>

Semua haiwan laut adalah harus kecuali anjing laut (makruh) disisi mazhab Maliki.

iii. Najis bangkai dan bahagian-bahagiannya<sup>153</sup>

Bangkai haiwan dan bahagian-bahagiannya adalah najis kecuali haiwan yang hidup dalam air. Oleh itu, daging, lemak, minyak, tulang rawan, tulang sumsum, urat saraf yang diambil daripada bangkai serta kulit bangkai yang belum disamak adalah najis.

iv. Jual beli bangkai<sup>154</sup>

Haram melakukan perniagaan jual beli bangkai kecuali ikan dan belalang. Sesetengah ulama pula mengecualikan bahagian-bahagian bangkai yang tidak terdapat unsur-unsur kehidupan seperti rambut dan bulu. Ulama' mazhab Maliki dan Hanafi pula tulang, gigi, tanduk dan kuku tidak dikategorikan sebagai bangkai.

v. Haiwan yang sama hukumnya dengan bangkai<sup>155</sup>

Haiwan yang mati dicekik, dipukul, ditanduk dan diterkam haiwan buas, maka hukumnya sama dengan bangkai.

---

<sup>152</sup> *Ibid.*, h. 121.

<sup>153</sup> *Ibid.*, h. 1143.

<sup>154</sup> *Ibid.*

<sup>155</sup> *Ibid.*



vi. Cara penyembelihan<sup>156</sup>

Ulama menetapkan penyembelih hendaklah beragama Islam, berakal, baligh, tidak mabuk, menyebut nama Allah SWT, menghadap kiblat, melepaskan ikatan tali serta memotong semua pembuluh darah sama ada merah, halkum dan dua urat leher dengan alat sembelihan yang tajam.

vii. Alatan sembelihan<sup>157</sup>

Harus menggunakan alatan sembelihan yang mengalirkan darah untuk memutuskan saluran-saluran urat haiwan seperti besi, tongkat, pisau dan sebagainya kecuali tulang, gigi dan kuku.

viii. Syarat penyembelih<sup>158</sup>

Penyembelih haiwan hendaklah terdiri daripada orang Islam atau ahli kitab serta berkemampuan menyembelih haiwan sembelihan sama ada lelaki, perempuan, baligh, hamba merdeka atau sebaliknya.

ix. Sembelihan menyucikan bahagian-bahagian haiwan<sup>159</sup>

Harus memanfaatkan kulit, bulu dan tulang haiwan bagi haiwan yang halal dimakan dan disembelih mengikut hukum syarak.

---

<sup>156</sup> *Ibid.*, h. 445.

<sup>157</sup> *Ibid.*, h. 446.

<sup>158</sup> *Ibid.*, h. 448.

<sup>159</sup> *Ibid.*, h. 45

x. Penggunaan bejana emas dan perak<sup>160</sup>

Ijmak mengharamkan penggunaan bejana emas dan perak untuk penyediaan makanan, minuman, kebersihan dan sebagainya. Pengharamannya menyeluruh ke atas lelaki dan perempuan.

xi. Sah bersuci menggunakan bejana emas dan perak<sup>161</sup>

Sah menggunakan bejana emas dan perak sebagai peralatan air sembahyang.

xii. Penggunaan bejana selain daripada bejana emas dan perak<sup>162</sup>

Ijmak mengharuskan penggunaan bejana selain bejana emas dan perak sama ada bejana yang berharga seperti bejana permata dan bejana yang tidak berharga seperti bejana kayu.

xiii. Kesucian bulu haiwan halal<sup>163</sup>

Bulu, rambut dan bahagian-bahagian haiwan yang halal dimakan adalah suci.

xiv. Kesucian kulit haiwan yang disamak<sup>164</sup>

Penyamakan akan menyucikan kulit haiwan.

xv. Kenajisan babi<sup>165</sup>

Daging, lemak dan bahagian-bahagian badan babi adalah najis. Hukumnya sama dengan hukum anjing.

---

<sup>160</sup> *Ibid.*, h.46.

<sup>161</sup> *Ibid.*

<sup>162</sup> *Ibid.*, h. 47.

<sup>163</sup> *Ibid.*

<sup>164</sup> *Ibid.*, h. 382.

<sup>165</sup> *Ibid.*, h. 410.

xvi. Kenajisan susu dan memanfaatkan bulu babi <sup>166</sup>

Susu, bulu dan bahagian-bahagian anggota daripada babi adalah haram dimanfaatkan.

### 3.5.2 Landasan Hukum Dari Sumber-Sumber Sekunder Syarak

Sumber hukum Islam merupakan tempat pencarian utama oleh para fuqaha dalam menyelesaikan banyak isu dalam kehidupan seharian. Sumber-sumber sekunder juga digunakan untuk mendapatkan hukum yang lebih mendalam dan terperinci. Asas penentuan hukum *bone china* menggunakan beberapa kaedah asas. Antaranya adalah *maqāsid sharī'ah*, *al-istiṣhāb*, *qawā'id al-fiqhiyyah*, *al-istiḥālāh* dan fatwa-fatwa berkaitan.

#### 3.5.2.1 *Maqāsid Sharī'ah*

Perbincangan *bone china* dalam teori masalah sangat berkait rapat dengan penggunaannya dalam kehidupan masyarakat Islam. *Bone china* sering digunakan sebagai peralatan pinggan mangkuk semasa majlis-majlis rasmi, simbolik kemewahan dan kekayaan, perhiasan mewah dan sebagainya. Imām al-Shāṭibī menyatakan *maqāsid sharī'ah* sebagai: <sup>167</sup>

“*Pentaklifan syarak yang merujuk kepada penjagaan tujuan-tujuan syariah kepada manusia. Tujuan-tujuan ini terbahagi kepada tiga iaitu darūrah, ḥājīyyah dan taḥsiniyyah.*”

---

<sup>166</sup> *Ibid.*, h. 411.

<sup>167</sup> Abū Ishāq al-Shāṭibī (1991), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*. j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 321.

Sementara, Wahbah Zuhaylī di dalam kitab *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* memberi pentakrifan *maqāṣid sharīʿah* sebagai:<sup>168</sup>

“*Sesungguhnya syarak mendatangkan kebaikan dan menolak kemudharatan. Oleh itu, maqāṣid sharīʿah merupakan penjagaan agama, diri, akal, keturunan dan harta. Ia harus mengikut peringkat-peringkatnya secara tertib iaitu ḍarūrah, ḥājīyyah dan taḥsīniyyah.*”

Berdasarkan pengertian di atas, *maqāṣid sharīʿah* ialah matlamat, tujuan dan rahsia yang terkandung di dalam syariat Islam yang bertujuan menjaga masalah dan menolak kemudharatan. *Maqāṣid sharīʿah* membantu para ulama dalam memahami nas-nas syarak dan mengaplikasikannya ke atas masalah-masalah baru di dalam masyarakat.<sup>169</sup> Penjagaan objektif-objektif syarak ini meliputi penjagaan terhadap agama, diri, akal, keturunan dan harta.<sup>170</sup>

#### **1.5.2.1.1 Kategori-Kategori *Maqāṣid Sharīʿah***

Masalah terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *al-ḍarūriyyah*, *al-ḥājīyyah* dan *al-taḥsīniyyah*. Perinciannya sepertimana berikut:

##### **a) Kepentingan Asas (*al-Ḍarūriyyah*)<sup>171</sup>**

*Al-ḍarūriyyah* merupakan keperluan manusia telah sampai ke tahap genting dan mendesak. Perkara-perkara yang termasuk dalam keperluan asas ini meliputi aspek-aspek utama setiap individu iaitu penjagaan terhadap agama, diri, harta, akal dan keturunan. Sekiranya kepentingan asas ini tidak dipenuhi, nescaya kehidupan manusia

<sup>168</sup> Wahbah Zuhaylī (2004), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. j.1, Beirut: Dār al-Fikr, h. 126.

<sup>169</sup> al-Shāḥibī (1991), *op.cit*, h. 4.

<sup>170</sup> Muṣṭafā Kamāl Waṣfā (t.t), Muṣonnafan Nuzum al-Islāmiyyah al-Dustūriyyah wa al-Dawliyyah wa al-Idāriyyah wa al-Iqtisādiyyah wa al-Ijtimāʿiyyah. al-Qāhirah: Majlis al-ʿAʿlā al-Shuʿūn al-Islāmiyyah, h. 51.

<sup>171</sup> Adnān Muḥammad Jumʿat (1993), *Rafʿu al-Ḥaraj fī Sharīʿah al-Islāmiyyah*. c.3. Dimashq: Dār al-ʿUlūm Insāniyyah, h.14.

tidak sempurna dan diiringi kesedihan dan kerugian dalam hidup manusia di dunia dan akhirat.<sup>172</sup>

*Al-darūriyyah* dalam bidang *uṣūl* ibadat seperti beriman kepada Allah SWT, mengucap dua kalimah syahadah, menunaikan fardhu sembahyang, menunaikan puasa pada bulan Ramadhan, menunaikan kefardhuan haji di Mekah termasuk di dalam penjagaan agama. Antara bidang *uṣūl* adat pula adalah makanan, pakaian dan tempat tinggal termasuk di dalam penjagaan nyawa dan akal. Manakala, dalam bidang *uṣūl* muamalat seperti aspek perkahwinan dan akad jual beli termasuk dalam penjagaan keturunan dan harta.

#### **b) Keperluan Biasa (*al-Ḥājīyyah*)<sup>173</sup>**

*Al-ḥājīyyah* adalah sesuatu perkara yang memenuhi keperluan manusia untuk menghilangkan kesusahan serta mengurangkan kesempitan dalam kehidupan manusia. *Al-ḥājīyyah* merupakan sesuatu yang berkaitan dengan keperluan umum dan tidak sampai kepada peringkat *al-darūriyyah* serta tidak pula sampai ke peringkat yang mendatangkan kebinasaan. Sekiranya asas ini tidak dipenuhi, maka pincang sistem kehidupan dan kemaslahatan hidup manusia. Justeru, syariat Islam datang untuk menghilangkan kesukaran serta menolak kesempitan yang berlaku dalam kalangan manusia tetapi tidak sampai ke tahap *al-darūriyyah*.<sup>174</sup>

---

<sup>172</sup> `Umar Sulaymān `Abd Allāh al-Ashqār (1999), *Nazariyyat fi Uṣūl al-Fiqh*. Jordān: Dār al-Nafā'is, h. 225.

<sup>173</sup> Jum'at (1993), *op. cit*, h. 15.

<sup>174</sup> al-Ashqār (1999), *op. cit*, h. 225.

*Al-hājiyyah* berlaku dalam kes-kes ibadah, adat, muamalat dan jenayah. Kes ibadah, Islam memberikan keringanan untuk mengurangkan kepayahan kepada pesakit, orang musafir dan sebagainya. Kes adat seperti pemburuan ke atas haiwan diharuskan oleh syarak, digalakkan pengambilan makanan baik dan halal seperti makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal, kenderaan dan sebagainya. Kes muamalat, jual beli secara hutang adalah diharuskan oleh Islam seperti jual beli salam (*bay' salam*). Manakala, dalam kes jenayah pula harus melaksanakan hukuman liwat, diyat dan sebagainya.

**c) Keperluan Mewah ( *al-Taḥsīniyyah* )<sup>175</sup>**

*Al-taḥsīniyyah* adalah sesuatu perkara yang memperelokkan keadaan serta memberikan kebaikan kepada manusia. Keperluan ini termasuklah penjagaan maruah setiap individu, penjagaan kesempurnaan akhlak seperti mengamalkan kebersihan, menutup aurat, adab semasa makan dan minum, sedekah dan sebagainya. Syariah amat mengambil berat tentang pemeliharaan akhlak. Hal ini menunjukkan bahawa Islam sentiasa meraikan kemaslahatan manusia. Jelaslah di sini bahawa akhlak mulia adalah sebahagian daripada penjagaan budi pekerti serta menghasilkan keindahan kepada tingkah laku terhadap sesebuah masyarakat. Bagaimanapun, tanpa *al-taḥsīniyyah* tidak berlaku kesempitan hidup atau kemudaratan kepada hidup manusia.

*Al-taḥsīniyyat* berlaku dalam bidang ibadat, adat, muamalat dan jenayah. Dalam aspek ibadah seperti menghilangkan najis, menutup aurat, menggunakan perhiasan dan memperbanyak perkara sunnah dalam beribadat kepada Allah SWT. Aspek adat, ia merangkumi adab-adab dalam makanan dan minuman, menjauhi makanan yang bernajis

---

<sup>175</sup> Jum'at (1993), *op. cit*, h. 15.

dan minuman yang keji seperti arak dan seumpamanya. Seterusnya, dalam aspek muamalat seperti diharuskan pemburuan, perlantikan saksi dan imam dan melantik wanita menjadi imam. Manakala, dalam aspek jenayah pula Islam menghalang pembunuhan ke atas hamba yang merdeka, membunuh wanita, kanak-kanak dan rahib-rahib semasa berjihad di jalan Allah SWT dan berjihad dalam menegakkan agama Islam.<sup>176</sup>

Dalam isu penggunaan *bone china*, *bone china* termasuk di dalam kategori *al-taḥsīniyyah*. Sepertimana yang telah dinyatakan, *bone china* terkenal sebagai peralatan pinggan mangkuk yang mewah dan kontemporari. *Bone china* tidak termasuk di dalam keperluan asas ataupun keperluan biasa bahkan penggunaannya termasuk keperluan mewah dan memperlengkapkan kehidupan manusia ke arah yang lebih baik. Hal ini kerana, sekalipun tidak menggunakan *bone china* sebagai alatan pinggan mangkuk masyarakat Melayu masih boleh menggunakan pelbagai jenama pinggan mangkuk yang terdapat di pasaran. Jelaslah di sini bahawa *bone china* dikategorikan sebagai *al-taḥsīniyyah* yang melampau dan penggunaannya termasuk di dalam perhiasan yang berlebih-lebihan.

### 3.5.2.2 Kaedah *al-Istiṣhāb*

Antara asas-asas penentuan hukum *bone china* adalah kaedah *al-istiṣhāb*. *Al-istiṣhāb* dari pengertian bahasa bermaksud kelaziman dan tidak berpecah.<sup>177</sup> Manakala, *al-istiṣhāb* dari pengertian istilah adalah mengekalkan sesuatu hukum yang ditetapkan

---

<sup>176</sup> *Ibid.*

<sup>177</sup> Sha'ḥbān Muḥammad Ismā'īl (1994), *Uṣūl al-Fiqh al-Muyassar*. j.2, al-Qāhirah: Dār al-Kitāb al-Jamī'ī, h. 103.

pada masa lalu sama ada 'نفيًا' atau 'إثباتًا'.<sup>178</sup> Hukum *al-istiṣhāb* kekal sehingga terdapat

dalil lain yang mengubahnya.<sup>179</sup> *Al-istiṣhāb* terbahagi kepada empat kategori iaitu:

- i. الأصل براءة الذمة<sup>180</sup>
- ii. الأصل في الأشياء الإباحة<sup>181</sup>
- iii. إستصحاب ما دل الفعل أو الشرع علي ثبوته<sup>182</sup>
- iv. اليقين لا يزال بالشك<sup>183</sup>

Kaedah *al-istiṣhāb* boleh diaplikasikan dalam penentuan hukum *bone china* melalui kaedah 'الأصل في الأشياء الإباحة'. Kaedah ini bermaksud asal sesuatu perkara adalah harus sehingga ada dalil yang menunjukkan haram.<sup>184</sup> Kaedah ini diaplikasikan dalam hukum penggunaan bejana. Hukum asal penggunaan bejana adalah harus<sup>185</sup> sehingga ada dalil yang mengharamkannya. Sabda Rasulullah SAW:<sup>186</sup>

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ، زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ "الَّذِي يَشْرَبُ فِي إِنَاءِ الْفِضَّةِ إِنَّمَا يُجْرَجُ فِي بَطْنِهِ نَارَ جَهَنَّمَ"

<sup>178</sup> Alī Jurayshah (1989), *Maṣādir al-Sharīah al-Islāmiyyah Muqārīn bi al-Maṣādir al-Dustūriyyah*, al-Qāhirah: Dār al-Gharīb li Ṭibā'ah, h. 81.

<sup>179</sup> Ibrāhīm `Abd al-Raḥmān Ibrāhīm (1999), *Ilmu Uṣūl al-Fiqh*. `Ammān: Maktabah Dār al-Thaqāfah, h. 121. Lihat juga, Muḥammad b. `Umar (2007), *Ibn Hazm wa Arāuhū al-Uṣūliyyah*. Lebanon: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 284-285.

<sup>180</sup> Alī Jurayshah (1989), *op.cit*, h. 82. Lihat juga, Ibn `Umar (2007), *op. cit*, h. 286.

<sup>181</sup> *Ibid.*, h. 81.

<sup>182</sup> Muḥammad Ismā`īl (1994), *op. cit*, h. 109. Lihat juga, Ibn `Umar (2007), *op. cit*, h. 284-285.

<sup>183</sup> Ḥabīb Allāh (1963), *op. cit*, h. 168-169.

<sup>184</sup> *Ibid.*, h. 81.

<sup>185</sup> Ibn Shihāb al-Dīn (1967), *op.cit*, h. 102.

<sup>186</sup> al-Bukhārī (t.t), *op.cit*, No. h.: 5694 dlm. Bab Āniyah al-Fiḍḍah, h. 148.



Maksudnya: *Daripada Ummu Salamah RA, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Orang yang minum di dalam bejana perak, maka api neraka jahannam yang menggelegak di dalam perutnya".*

(Riwayat Bukhari)

Dalil sunnah di atas mengharamkan penggunaan bejana emas dan perak sebagai peralatan penyediaan makanan dan minuman. Bejana emas dan perak diharamkan ke atas umat Islam secara umum. Oleh yang demikian, dalil di atas merupakan sandaran dalil syarak yang *thābit* dan hukumnya kekal sehingga ada dalil lain yang merubahnya. Ia selari dengan kaedah 'إستصحاب ما دل الفعل أو الشرع علي ثبوته'.<sup>187</sup>

Kaedah-kaedah *al-istiṣhāb* di atas membuktikan bahawa Islam sangat fleksibel dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat serta sesuai dengan perubahan masa dan realiti setempat. Kaedah ini membantu para fuqaha dalam menyelesaikan masalah-masalah yang sering wujud dalam kehidupan manusia yang semakin mencabar dan memerlukan kepakaran fuqaha dalam menganalisis selaran dengan hukum Islam dan realiti semasa.

### 3.5.2.3 Kaedah *al-Iḥtiyāt*

*Al-iḥtiyāt* merupakan salah satu daripada asas-asas penentuan hukum penggunaan *bone china*. *Al-iḥtiyāt* berasal daripada perkataan 'إحتياط', 'يحتاط', 'إحتاط'.<sup>188</sup> Pengertian *al-iḥtiyāt* dari sudut bahasa adalah berjaga-jaga, mengambil langkah keselamatan,<sup>189</sup>

<sup>187</sup> Muḥammad Ismā'īl (1994), *op. cit*, h. 109. Lihat juga, Ibn `Umar (2007), *op. cit*, h. 284-285.

<sup>188</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka (2006), *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.545.

<sup>189</sup> *Ibid.*, h. 545.

berhati-hati dan berwaspada.<sup>190</sup> *Al-iḥṭiyāt* dari sudut istilah adalah perbuatan yang telah diijmak oleh *uṣūl aḥkām* sebagai menjauhi daripada sebarang perkara pentakwilan atau menjaga diri daripada berlaku tegahan terhadap sesuatu yang diragui sumbernya, meninggalkan perkara-perkara yang *mubāh* dan berhati-hati daripada melakukan kesalahan (*al-khaṭāʾ*).<sup>191</sup> Manakala, pengertian secara *warāʾ* bermaksud menjauhi perkara syubhah ditakuti berlakunya perkara-perkara yang diharamkan oleh syarak.<sup>192</sup> Konsep *al-iḥṭiyāt* berdasarkan sabda Rasulullah SAW:<sup>193</sup>

عن النعمان بن بشير رضي الله عنه قال سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول (إن الحلال بين والحرام بين وبينهما أمور مشتهيات لا يعلمهن كثير من الناس فمن اتقى الشبهات استبرأ لدينه وعرضه ومن وقع في الشبهات وقع في الحرام كالراعي يرعى حول الحمى يوشك أن يرتع فيه ألا وإن لكل ملك حمى ألا وإن حمى الله محارمه ألا وإن في الجسد مضغه إذا صلحت صلح الجسد كله وإذا فسدت فسد الجسد كله ألا وهي القلب)

(متفق عليه)

Maksudnya: “*Daripada al-Nuʿmān b. Bashīr RA, beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya perkara yang halal itu jelas, sesungguhnya perkara yang haram itu juga jelas dan di antara kedua-dua perkara tersebut ada perkara-perkara syubhah yang tidak diketahui oleh ramai manusia. Sesiapa yang menjaga perkara-perkara syubhah tersebut maka dia telah membersihkan agama dan maruah dirinya. Sesiapa yang termasuk di dalam perkara syubhah, maka dia telah masuk dalam perkara haram seperti seorang pengembala yang mengembala haiwan di sekeliling kawasan larangan, dibimbangi haiwan peliharaannya menceroboh masuk ke dalam kawasan larangan tersebut. Setiap raja mempunyai sempadan dan sesungguhnya sempadan Allah SWT itu adalah perkara-perkara yang diharamkan olehNya. Setiap jasad manusia ada seketul daging, apabila ia baik maka baik seluruh jasad tersebut dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh jasadnya. Ia dikenali sebagai hati.*

(Muttafaq `Alaih)

<sup>190</sup> *Ibid.*, h. 410.

<sup>191</sup> Wizārah al-Awqāt wa al-Āsiyyūn (2004), *op. cit.*, h. 100.

<sup>192</sup> *Ibid.*

<sup>193</sup> al-Bukhārī (t.t), *op. cit.*, dlm. Kitāb al-Buyūʾ, h. 513.

Hadis di atas menggalakkan manusia agar sentiasa berhati-hati dalam memilih pemakanan dan meninggalkan sesuatu perkara yang diragui sumber halal dan haram dalam kandungan bahan makanan. Perkara ini menyentuh kemaslahatan manusia dari aspek masalah agama dan masalah nyawa. Syubhah ialah sesuatu pertelingkahan antara perkara hak dan batil, antara perkara halal dan haram yang disebabkan oleh ketiadaan dalil-dalil atau berlaku pertentangan antara dalil-dalil tersebut. Oleh itu, Rasulullah SAW menggalakkan manusia untuk meninggalkan perkara-perkara syubhah dan berpegang dengan dalil yang lebih kukuh dan kuat.<sup>194</sup> Justeru itu, *al-iḥtiyāṭ* adalah menjauhkan diri dari perkara syubhah dan langkah berhati-hati ini merupakan sesuatu perkara yang dituntut oleh syarak.<sup>195</sup>

Antara kaedah-kaedah fiqh yang mengaplikasikan kaedah *al-iḥtiyāṭ* seperti berikut:<sup>196</sup>

- i. 'إذا اجتمع الحلال والحرام غلب الحرام'
- ii. 'درء المفسد أولى من جلب المصالح'
- iii. 'الخروج من الخلاف مستحب'
- iv. 'الحدود تدرء بالشبهات'

Berdasarkan kaedah ini, ia boleh diaplikasikan di dalam penentuan hukum penggunaan *bone china*. Pembuatan *bone china* yang berasaskan campuran tulang haiwan diragui status penggunaannya disebabkan keraguan penggunaan tulang yang

---

<sup>194</sup> Ibn Qudāmah (1990), *Waswas*. Syed Ahmad Semait (terj.), Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 94.

<sup>195</sup> Muṣṭafā b. Makhdūm (1999), *Qawā'id al-Waṣā'il fi Sharī'ah al-Islāmiyyah*. al-Mumalakatu al-'Arabiyyah al-Su'ūdiyyah: Dār al-Ishbilya, h. 496-497.

<sup>196</sup> *Ibid.* h. 500.

diambil sama ada disembelih secara syarak atau sebaliknya. Bahkan, salah satu tulang yang digunakan terdiri daripada tulang babi. Berdasarkan situasi ini, wajib mengambil langkah berhati-hati dalam perkara-perkara syubhah. Hal ini kerana, perkara sedemikian merupakan jalan (*wasīlah*) menghampiri kepada perkara-perkara haram. Hukum *al-iḥṭiyāt* lebih menghampiri kepada hukum *mandūb* tetapi tidak sampai kepada tahap wajib. *Al-iḥṭiyāt* bukan perkara wajib dalam Islam tetapi ia merupakan perkara yang baik (*ḥasan*).<sup>197</sup>

#### 3.5.2.4 Kaedah *Istiḥālah*

Dalam membincangkan isu penggunaan *bone china*, perbincangannya berkait rapat dengan kaedah *istiḥālah*. *Istiḥālah* merupakan salah satu kaedah penyucian dalam Islam. Kaedah ini mengubah sesuatu yang najis menjadi sesuatu yang suci dalam tempoh masa tertentu. Kaedah ini dikenali sebagai *istiḥālah* atau tranformasi.

*Istiḥālah* merupakan perkataan bahasa Arab yang berasal daripada perkataan 'حال' atau 'حول' yang bermaksud berubah.<sup>198</sup> Perkataan *istiḥālah* juga daripada perkataan 'إستحل', 'يستحل' dan 'إستحالة' yang bermaksud mustahil atau tidak mungkin,<sup>199</sup> berubah, keadaan<sup>200</sup> dan tidak boleh diterima akal.<sup>201</sup> Selain itu, *istiḥālah* dalam bahasa Inggeris

---

<sup>197</sup> Ibn Makhdūm (1999), *op.cit*, h. 500-501. Lihat juga, Abū `Abd Allāh Syams al-Dīn b. Qayyim Al-Jawzī. (1996), *Penyakit Was-Was: Kemudharatan dan Cara Mengatasinya*. (t.n) (terj.), Kuala Lumpur: Era Ilmu Sdn. Bhd., h. 109.

<sup>198</sup> Muhammad Idris Abdul al-Rauf al-Marbawi (1990), *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr, h. 156.

<sup>199</sup> Ali Ma'shum dan Zainal Abidin Munawkir (1997), *Kamus al-Munawwar Arab-Indonesia Terlengkap*, c.4. Indonesia: Pustaka Progressif, h. 312. Lihat juga, Abd bin Nuh dan Oemar Bakry (1993), *Kamus*. c.2. Kuala Lumpur: Victory Agencie, h. 92.

<sup>200</sup> Husin al-Habsyi (2002), *Kamus al-Kauthar Lengkap Arab-Melayu*. c. 8. Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd., h. 71. Lihat juga, Ali Ma'shum dan Zainal Abidin Munawkir (1997), *op. cit*, h. 92. Lihat juga,

diterjemahkan sebagai tranformasi (*transformation*) atau berkemungkinan (*to be impossible*),<sup>202</sup> boleh diubah (*to be change*)<sup>203</sup> yang bermaksud perubahan,<sup>204</sup> pertukaran<sup>205</sup> dan penjelmaan.<sup>206</sup>

Menurut Muḥammad Sālih al-`Uthaymin, *istiḥālah* bermaksud perubahan sesuatu kepada sesuatu yang lain.<sup>207</sup> Dr. Qadhāfi mendefinisikan *istiḥālah* sebagai perubahan sesuatu secara tabii dan sifat.<sup>208</sup> Manakala, Dr. Wahbah Zuḥaylī mendefinisikan *istiḥālah* kepada dua pengertian. Pertama, tidak mungkin (mustahil), tidak mungkin berlaku dan tidak bersesuaian (tidak munasabah). Kedua, perubahan sesuatu secara tabii, sifat, zat dan nama (*isim*).<sup>209</sup> *Mawsū'ah al-Fiqhiyyah* menyatakan, *istiḥālah* bermaksud perubahan sesuatu secara tabii dan sifat, tidak mungkin atau mustahil.<sup>210</sup> *Istiḥālah* menurut Dr. Maḥmūd Ismā`il pula, suatu perubahan yang berlaku ke atas zat iaitu perubahan zat asal kepada zat baru yang berbeza dari segi warna, rasa dan bau.<sup>211</sup>

---

John Wortabet dan Harvey Porter (1954), *English-Arabic And Arabic-English Dictionary*, c.2. New York: Prederick Ungar Publishing Co., h. 70.

<sup>201</sup> Muhammad Idris Abdul al-Rauf al-Marbawi (1990), *op.cit*, h. 158.

<sup>202</sup> Abd Bin Nuh dan Oemar Bakry (1993), *op. cit*, h. 92.

<sup>203</sup> John Wortabet dan Harvey Porter (1954), *op. cit*, h. 70.

<sup>204</sup> Ghasanuddin (2003), *Atlas Dictionary*. Mesir: Atlas Publishing House, h. 1490.

<sup>205</sup> Miftāh Moḥammad Diyāt (1995), *Mu'jam Muṣṭalahāt al-`Ilmiyyah fī `Ilmi al-Muktibāt wa al-Thawāsiq wa al-Ma`lūmāt*. Miṣr: Dār al-Dawliyyah, h. 231.

<sup>206</sup> Hassan Ahmad (1979), *Kamus Dwibahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1342. Lihat juga, Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1994), *Sinonim Inggeris -Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 523.

<sup>207</sup> al-Uthaymin (2004), *op.cit*, h. 252.

<sup>208</sup> al-Ghanānim (2008), *op.cit*, h. 75. Lihat juga, Maḥmūd Ismā`il Muḥammad Mish`al (t.t), *Atharu al-Khilāf al-Fiqh fī al-Qawā'id al-Mukhtalaf fīhi wa Madā Taḍbīqihā fī al- Furū' al-Mu`āṣiroh*. Miṣr: Dār al-Salām, h. 424.

<sup>209</sup> Wahbah Zuḥaylī (2008), *Qaḍāyā al-Fiqh wa al-Fikr al-Mu'āṣir*. Dimashq: Dār al-Fikr, h. 58.

<sup>210</sup> Wizārat al-Awqāf wa al-Nā`shiūn al-Islāmiyyah (2005), *op.cit*, h. 213-214.

<sup>211</sup> Muḥammad Mish`al (t.t), *op. cit*, h. 424-425.

### 3.5.2.4.1 Hukum *Istiḥālah* Menurut Pandangan Ulama Fiqh

Hukum *istiḥālah* menurut pandangan ulama fiqh terbahagi kepada dua yang utama. Pandangan pertama, mazhab Hanafi,<sup>212</sup> mazhab Maliki,<sup>213</sup> Ibn Ḥazm,<sup>214</sup> dan Ibn Taymiyyah.<sup>215</sup> Golongan pertama ini menerima teori *istiḥālah* sebagai satu medium perubahan sesuatu jirim najis kepada jirim yang suci sama ada ia berlaku secara semulajadi atau secara tidak semulajadi seperti pencampuran dengan bahan yang lain dan sebagainya.<sup>216</sup> Contohnya, arak yang bertukar menjadi cuka.<sup>217</sup>

Pandangan kedua, mazhab Syafii<sup>218</sup> dan mazhab Hanbali<sup>219</sup> telah menyempitkan pemakaian teori *istiḥālah*. Mereka tidak menerima *istiḥālah* sebagai suatu medium perubahan dan menganggapnya sebagai tidak suci sekalipun telah berlaku proses *istiḥālah* kecuali dalam beberapa aspek tertentu. Mazhab Syafii hanya menerima teori *istiḥālah* dalam tiga keadaan iaitu kulit bangkai yang disamak,<sup>220</sup> arak yang bertukar menjadi cuka<sup>221</sup> dan darah yang bertukar menjadi wangian kasturi.<sup>222</sup>

---

<sup>212</sup> Muḥammad Amīn al-Shahīr b. `Ābidīn (1966), *Hāsyiyat Radd al-Mukhtār*. j.1, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādihī, h. 326-329. Lihat juga, al-Humām (1995), *op.cit*, h. 133.

<sup>213</sup> Ibn `Abd al-Bārr (2001), *al-Tamhīd limā fī al-Muwattā' min al-Ma`āni wa al-Asānīd Murattiban `ala al-Abwāb al-Fiqhiyyah li al-Muwattā'*. c. 2. al-Qāhirah: al-Fāzūq al-Ḥadīthah, h. 161.

<sup>214</sup> Abū Muḥammad `Alī b. Aḥmad b. Sa`īd b. Hazm (1988), *al-Muḥalla bi al-Āthār*. j.1, Beirūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 123.

<sup>215</sup> Abū al-`Abbās Taqī al-Dīn Aḥmad b. `Abd al-Ḥalīm (t.t), *al-Fatāwā al-Kubrā li Ibn Taymiyyah*. j.1, Beirūt: Dār al-Ma`rifah, h. 41-46.

<sup>216</sup> Wizārah al-Awqāt wa al-Āsiyyūn (2005), *op.cit.*, h. 35.

<sup>217</sup> Ibn al-Humām (1995), *op.cit*, h. 133.

<sup>218</sup> Shihāb al-Dīn Aḥmad b. Ḥajar al-Haytamī (t.t), *Tuḥfah al-Muḥṭāj bi Sharḥ al-Minhāj*. j.1, (T.P): Dār al-Fikr, h. 303.

<sup>219</sup> Abū Muḥammad b. `Abd Allāh b. Aḥmad b. Muḥammad b. Qudāmah (1992), *al-Mughnī*. j. c.2. al-Qāhirah: Hījr, h. 517-518.

<sup>220</sup> al-Haytamī (t.t), *op.cit*, h. 303.

<sup>221</sup> *Ibid.*

<sup>222</sup> Sepertimana yang dipetik dalam Muḥammad Mish`al (t.t), *op. cit*, h. 432.

Pandangan yang paling *rājih* adalah pandangan pertama iaitu proses *istiḥālah* memberikan kesan ke atas perubahan zat najis kepada zat suci atau perubahan zat suci kepada zat najis. Proses perubahan yang berlaku akan mengubah secara keseluruhan (*kullī*) sehingga menghasilkan bahan baru yang berbeza daripada bahan asal dari aspek zat dan fizikal. Akan tetapi, bahan akhir yang terhasil hendaklah dianalisis terlebih dahulu bagi memastikan perubahan yang berlaku adalah perubahan secara hakiki. Sekiranya setelah dianalisis mendapati zat asal masih wujud di dalam bahan baru maka proses ini tidak mengalami proses *istiḥālah* dan hukumnya adalah najis.<sup>223</sup>

### 3.5.2.5 Kaedah-kaedah Fiqh

Kaedah-kaedah fiqh mempunyai kedudukan yang penting dalam syariat Islam. Kaedah-kaedah ini dibentuk oleh fuqaha untuk memudahkan pencarian hukum secara terperinci bagi menyelesaikan isu-isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam termasuk isu penggunaan *bone china*. Kaedah ini boleh ditakrifkan sebagai prinsip-prinsip fiqh yang bersifat umum yang dinyatakan dalam bentuk nas yang ringkas tetapi padat. Prinsip-prinsip fiqh tersebut yang mana berfungsi sebagai undang-undang dan peraturan yang merangkumi hukum-hukum penggubalan syarak yang umum terhadap kes-kes yang berkaitan dengan topik perbincangan.<sup>224</sup> Berdasarkan pemerhatian pengkaji, beberapa kaedah-kaedah fiqh boleh diaplikasikan di dalam metode pentarjihan hukum terhadap *bone china*. Antaranya adalah:

---

<sup>223</sup> al-Ghanānim (2008), *op. cit.*, h. 94.

<sup>224</sup> Muhammad Safiri Ismail (2008), 'Makanan Ubah Suai Genetic (GM Food): Satu Analisis Hukum' (Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 70.

الأصل في الأشياء الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم

Maksudnya: *Hukum asal setiap perkara itu harus sehingga ada dalil yang mengharamkannya.*<sup>225</sup>

ما أدى إلى الحرام فهو حرام

Maksudnya: *Apa-apa (bahan atau tindakan) yang boleh membawa kepada sesuatu yang haram maka ia juga adalah dianggap haram.*<sup>226</sup>

إتقاء الشبهات خشية الوقوع في الحرام

Maksudnya: *(Perlu) menjauhkan diri daripada mengambil bahan (makanan) yang hukumnya tidak dapat dipastikan kerana takut-takut terjerumus ke dalam sesuatu yang haram.*

لا ينكر تغير الأحكام بتغير الأزمان

Maksudnya: *Tidak boleh disangkal berlakunya perubahan hukum dengan sebab perubahan masa.*<sup>227</sup>

إذا اجتمع الحلال والحرام غلب الحرام

Maksudnya: *Apabila bertembung unsur halal dan haram (dalam sesuatu perkara) maka hendaklah diutamakan unsur yang haram.*<sup>228</sup>

ما حرم استعماله حرم اتخاذه

Maksudnya: *Setiap bahan yang diharamkan daripada diguna maka menyimpannya juga adalah diharamkan.*<sup>229</sup>

---

<sup>225</sup> Jalāl al-Dīn `Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī (t.t), *al-Ashbāh wa al-Nazāir fī Qawā'id wa Furū' Fiqh al-Shāfi'iyyah*. al-Qāhirah: (T.T.P), h. 59.

<sup>226</sup> *Ibid.*

<sup>227</sup> Shaykh Aḥmad b. Shaykh Muḥammad al-Zarqā' (2006), *Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. c.6. Damsyiq: Dār al-Qalam, h. 227.

<sup>228</sup> al-Suyūṭī (t.t), *op.cit*, h. 110.



ما حرم أخذه حرم إعطاؤه

Maksudnya: *Setiap bahan yang diharamkan daripada diambil, maka hukum memberinya kepada orang lain juga adalah diharamkan.*<sup>230</sup>

إن النجاسة إذا استحالت طهرت

Maksudnya: *Bahan najis apabila berubah keadaannya (menjadi suatu bahan lain) maka hukumnya menjadi suci.*

استحالة الأحكام باستحالة الأسماء وأستحالة الأسماء باستحالة الصفات

Maksudnya: *Perubahan sesuatu hukum adalah bergantung kepada perubahan nama (sesuatu bahan) dan perubahan (bahan tersebut pula) bergantung kepada (yang berlaku) pada sifat (ciri-ciri tersebut).*

Justeru itu, kaedah-kaedah fiqh di atas merupakan asas pembentukan hukum dan pencarian hukum baru bagi menyelesaikan isu-isu yang baru masyarakat Islam kini. Kaedah-kaedah tersebut akan digunakan dalam menetapkan hukum penggunaan *bone china* di dalam bab keempat. Kaedah-kaedah fiqh ini sangat sesuai diaplikasikan dalam menyelesaikan isi-isu terkini sesuai dengan realiti semasa dan keperluan masyarakat.

### 3.5.2.6 Fatwa-fatwa di Malaysia

Antara fatwa-fatwa yang dikeluarkan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Peringkat Kebangsaan:

---

<sup>229</sup> *Ibid.*, h. 163.

<sup>230</sup> al-Zarqā' (2006), *op.cit.*, h. 215.

- i. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25 hingga 27 Julai 2006 telah membincangkan Hukum Penggunaan Anggota Atau Unsur Haiwan Yang Haram Dimakan Selain daripada Anjing Dan Babi untuk Tujuan Kosmetik. Muzakarah telah memutuskan produk-produk yang dihasilkan atau diambil daripada anggota atau unsur haiwan yang halal dimakan, tetapi sekiranya mendatangkan mudarat, penggunaannya adalah dilarang oleh Islam. Oleh itu, sebarang produk kosmetik atau sebagainya yang mengandungi bahan najis seperti anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan atau yang memberi kemudaratkan kepada manusia adalah haram digunakan.<sup>231</sup>
- ii. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 12 Julai 1999 telah membincangkan Bioteknologi Dalam Makanan dan Minuman. Muzakarah telah memutuskan bahawa barangan, makanan dan minuman yang diproses melalui kaedah bio-teknologi DNA babi adalah bercanggah dengan syarak dan hukumnya adalah haram. Penggunaan bio-teknologi DNA babi dalam pemrosesan barangan, makanan dan minuman belum lagi sampai ke tahap yang boleh dikatakan darurat kerana masih ada pilihan bahan yang lain. Ijtihad ini adalah berpegang kepada kaedah usul fiqh seperti berikut : ‘  
درء المفاسد مقدم على جلب المصالح.<sup>232</sup>
- iii. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-6 yang bersidang pada 10 Oktober 1983 telah

---

<sup>231</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-penggunaan-anggota-atau-unsur-haiwan-yang-haram-dimakan-selain-daripada-anjin>, 24 September 2010.

<sup>232</sup> *Ibid.*, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/bioteknologi-dalam-makanan-minuman>.

membincangkan Penyuntikan *Highly Purified Insulin* daripada Babi. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum menyuntik insulin daripada najis mughalazah (babi) bagi tujuan perubatan pesakit kencing manis adalah harus kerana darurat. Begitu juga hukuman bagi mereka yang menjalankan penyuntikannya.<sup>233</sup>

- iv. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-2 yang bersidang pada 12 hingga 13 Mei 1981 telah membincangkan Gas daripada Tahi Babi. Muzakarah telah memutuskan bahawa gas yang diproses daripada tahi babi dengan menggunakan api, hukumnya najis dan yang tidak menggunakan api hukumnya adalah suci.<sup>234</sup>
- v. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-2 yang bersidang pada 12 hingga 13 Mei 1981 telah membincangkan Baja daripada Tahi Babi. Muzakarah telah memutuskan bahawa berdasarkan nas daripada kitab tersebut di atas mesyuarat Jawatankuasa Fatwa telah memutuskan seperti berikut: Bahawa baja yang diperbuat daripada tahi babi adalah najis mughalazah, sementara hukum menggunakannya sebagai baja adalah harus serta makruh. Manakala, makanan ayam yang diproses daripada bahan-bahan yang bercampur dengan najis seperti darah lembu, darah babi dan lain-lain adalah harus atau halal.<sup>235</sup>

## 1.6 Penutup

Konklusinya, asas-asas penentuan hukum penggunaan *bone china* menggabungkan tiga konsep yang utama iaitu konsep sembelihan, konsep bejana dan asas-asas metodologi

---

<sup>233</sup> *Ibid.*, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penyuntikan-highly-purified-insulin-daripada-babi>.

<sup>234</sup> *Ibid.*, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/gas-daripada-tahi-babi>.

<sup>235</sup> *Ibid.*, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/baja-daripada-tahi-babi>.

hukum *bone china*. Tulang merupakan bahan asas dalam produk *bone china*. Penggunaan tulang amat berkait rapat dengan konsep haiwan dan konsep sembelihan dari perspektif Islam. Tulang haiwan yang di ambil daripada haiwan yang halal dimakan dan disembelih menurut hukum syarak boleh digunakan dalam produk *bone china*. Walau bagaimanapun, sekiranya tulang yang digunakan diambil daripada tulang babi, haiwan yang tidak disembelih atau haiwan yang disembelih tetapi tidak menurut syarak, maka hukumnya sama dengan bangkai. Oleh itu, haram menggunakan tulang tersebut.

*Bone china* termasuk daripada peralatan bejana. Hukum penggunaan bejana adalah harus kecuali bejana yang diperbuat daripada emas dan perak. Walaupun demikian, *bone china* diperbuat daripada campuran tulang yang diragui sumber tulang yang digunakan sama ada tulang lembu yang tidak disembelih atau tulang babi yang jelas diharamkan oleh Islam. Oleh itu, beberapa asas prinsip-prinsip hukum syarak digunakan di dalam penentuan hukum *bone china*. Antaranya adalah al-Quran, sunnah, ijmak, kaedah-kaedah fiqh, *maqāṣid sharī'ah*, *al-istiṣhāb*, *al-iḥtiyāt*, *istiḥālah* dan beberapa kaedah berkaitan.